

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 20 MAC 2019

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said
[Kuala Krau]**

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Adakah kerajaan akan meneruskan projek ECRL demi pembangunan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi di kawasan Pantai Timur.

**JAWAPAN: YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan lisan berkaitan Projek Laluan Rel Pantai Timur, dengan izin *East Coast Rail Link* (ECRL) secara bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat berikut kerana menyentuh isu yang sama:

- i. YB Subang bertarikh 25 Mac 2019 dan 28 Mac 2019;
- ii. YB Kemaman bertarikh 26 Mac 2019;
- iii. YB Dungun bertarikh 28 Mac 2019;
- iv. YB Pasir Gudang bertarikh 28 Mac 2019;
- v. YB Bera bertarikh 28 Mac 2019;
- vi. YB Ketereh bertarikh 3 April 2019;
- vii. YB Kuala Terengganu bertarikh 8 April 2019; dan
- viii. YB Lipis bertarikh 11 April 2019.

2. Pada dasarnya, Kerajaan memahami bahawa projek ECRL boleh menjadi pemangkin bagi pembangunan di Pantai Timur. Dilaporkan projek ini dijangka memberi pertambahan sebanyak 1.5 peratus kepada pertumbuhan KDNK negeri-negeri yang terlibat. Projek ini juga bakal menyediakan infrastruktur pengangkutan berat untuk kargo yang boleh menarik kemasukan pelabur-pelabur industri. Dalam masa yang sama, penduduk di Pantai Timur boleh mendapat manfaat pilihan pengangkutan awam yang baharu.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat projek ini yang telah dimulakan oleh pentadbiran terdahulu telah diuruskan tanpa melalui prosedur biasa. Kita dapati pihak pentadbiran terdahulu telah memutuskan untuk tidak memanggil tender terbuka bagi projek berkenaan sebaliknya dianugerahkan kepada satu syarikat sahaja atas alasan kononnya dengan izin, *G-to-G arrangement*.

4. Pentadbiran Kerajaan terdahulu sepatutnya tidak tergesa-gesa menandatangani kontrak *Engineering, Procurement, Construction and Commissioning* (EPCC) dan perjanjian pinjaman besar sebelum "*due diligence*" dan "*cost-benefit analysis*" yang lengkap dijalankan. Kontrak

NO. SOALAN: 1

EPCC tersebut dideraf mengikut harga *lump sum* yang tinggi dan butiran mengenai skop serta spesifikasi teknikal dinyatakan secara umum sahaja.

5. Satu sistem keretapi baru ke Pantai Timur pasti dapat diwujudkan dengan lebih sempurna jika pentadbiran dahulu mengambil kira semua aspek kewangan Kerajaan, impak sosio-ekonomi, nilai komersil, kesan alam sekitar dan hubungan dua hala Malaysia-China.

6. Walau bagaimanapun, Kerajaan kini terikat dengan kedua-dua perjanjian kontrak EPCC dan pinjaman dari China yang menyebabkan negara berhadapan hutang yang membebankan sekiranya dilaksanakan dan sebaliknya menghadapi implikasi kewangan yang besar sekiranya dibatalkan.

7. Kerajaan terpaksa menilai semula projek ini secara lebih teliti bagi memastikan negara mendapat pulangan yang terbaik tanpa menjejaskan pembangunan negara. Semua kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL telah digantung sejak 3 Julai 2018 yang lalu. Pada masa ini Kerajaan telah melantik Yang Amat Berbahagia Tun Daim Zainudin sebagai Utusan Khas Perdana Menteri bagi mengetuai proses rundingan semula projek ECRL dengan Kerajaan Republik Rakyat China supaya penyelesaian 'win-win' dapat diperolehi.

8. Hasil rundingan ini akan dimaklumkan apabila ia dimuktamadkan sedikit masa lagi. Jika usaha rundingan semula ini berhasil, Kerajaan yakin projek ECRL akan diteruskan pada skala yang sesuai dengan manfaat yang bakal dijana untuk kesejahteraan rakyat dan menyelamatkan Malaysia dari beban hutang yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
BIN TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional Kementerian dan Kerajaan menambah pemasangan AES di Lebuhraya Malaysia, berapa jumlah AES akan dipasang dan berapa jumlah kos pemasangan tambahan dan apa perbezaan kos dengan yang dipasang semasa Kerajaan BN dahulu

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, objektif utama sistem AwAS diperkenalkan adalah untuk:-
 - (i) Mendidik dan mempengaruhi perubahan sikap pemandu jalan raya untuk mematuhi peraturan jalan raya dengan memandu pada had laju ditetapkan dan mematuhi isyarat lampu isyarat di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan;
 - (ii) Mengurangkan keberangkalian berlakunya kemalangan jalan raya menerusi pematuhan kepada peraturan had laju dan lampu isyarat; dan
 - (iii) Menambahbaik aspek keberkesanaan dan produktiviti aktiviti penguatkuasaan dengan mengalih-keluar risiko aspek kelemahan dan *human intervention*.

NO. SOALAN: 2

2. Sistem AwAS adalah merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk menggunakan teknologi bagi menangani isu kemalangan jalan raya melalui peningkatan *perception of being caught* (POBC) serta meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan dan penguatkuasaan peraturan jalan raya.
3. Sistem penguatkuasaan AwAS bukan bertujuan untuk memerangkap orang ramai sebaliknya bertujuan mendidik orang ramai mematuhi peraturan lalulintas iaitu memandu mematuhi had laju dan mematuhi peraturan lampu isyarat (di lokasi sering berlaku kemalangan dan kematian akibat kemalangan - *blackspot*). Di dalam kawasan operasi sistem AwAS, peraturan telah mewajibkan pemasangan papan-papan tanda amaran pengoperasian sistem AwAS (sebelum sesuatu lokasi kamera di pasang iaitu pada jarak 3km, 2km dan 1km sebelum). Perkara ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai bahawasanya sistem AwAS ini bukan bertujuan memerangkap orang ramai sebaliknya untuk memberi peringatan dan mendidik orang ramai untuk mematuhi peraturan had laju dan lampu isyarat yang ditetapkan.
4. Sehingga 1 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera telah beroperasi iaitu 29 kamera peraturan had laju dan 16 kamera peraturan lampu isyarat.
5. Kesemua kamera AwAS yang terlibat telah dipasang di bawah kontrak terdahulu. Kos pemasangan bagi pemasangan kamera adalah ditanggung oleh kedua syarikat dan tiada dinyatakan dengan terperinci (kos pemasangan) di dalam kontrak sedia ada tersebut. Namun begitu, adalah dianggarkan kos pemasangan (tidak termasuk kos penyelenggaraan) sebuah kamera adalah di antara RM200 ribu sehingga RM250 ribu termasuk kos kerja tanah, kos kabel elektrik, kos pembangunan infrastruktur dan kos kamera.
6. Pada masa ini, Kerajaan masih belum melaksanakan sebarang pemasangan kamera baharu dengan menggunakan peruntukan Kerajaan sepenuhnya. Oleh yang demikian, tiada perbandingan harga yang telah dilaksanakan sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KE-2

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status dasar dan pelaksanaan Industri 4.0 dan apakah inisiatif-inisiatif yang boleh dipohon para syarikat atau pengeluar tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 yang dikenali sebagai *Industry4WRD* telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018. Susulan daripada pelancaran dasar tersebut, sejumlah RM210 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2019 sehingga 2021 di bawah Belanjawan 2019 untuk menggalakkan peralihan ke Industri 4.0 melalui lapan program berikut:

i. Penilaian Kesediaan (*Readiness Assessment*) untuk menilai kedudukan syarikat dalam beralih ke Industri 4.0 dan membuat analisa jurang atas syarikat untuk membuat analisa jurang di antara keupayaan teknologi semasa syarikat dengan teknologi Industri 4.0;

ii. Program intervensi kepada syarikat yang telah mengikuti program penilaian kesediaan untuk membantu syarikat beralih kepada Industri 4.0 melalui intervensi kemahiran, proses dan teknologi;

iii. Program menaik taraf kemudahan sedia ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam menjadi pusat kecemerlangan (*competence center*) bagi teknologi teras Industri 4.0;

iv. Penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan perindustrian dan pusat latihan yang strategik dan berimpak tinggi;

v. Program Latihan Tenaga Pengajar untuk meningkatkan kemahiran dalam pedagogi Industri 4.0;

vi. Pembangunan program khusus Industri 4.0 bagi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menjurus kepada bidang automasi perkilangan;

vii. Program Latihan Semula untuk pembangunan keupayaan dan kompetensi dalam bidang teknologi Industri 4.0; dan

viii. Program pembangunan platform kolaboratif pintar bagi memudahkan syarikat untuk mengenal pasti penyedia perkhidmatan integrasi sistem dan mengguna pakai teknologi dan solusi Industri 4.0.

Dasar Industry4WRD telah menetapkan struktur tadbir urus yang utuh bagi memastikan pelaksanaan dasar secara berkesan. Ia meliputi Majlis Industry4WRD, Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi, dan lima Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) seperti berikut:

i. Jawatankuasa Kerja Teknikal Pembiayaan yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan (MOF);

ii. Jawatankuasa Kerja Teknikal Infrastruktur yang dipengerusikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM);

iii. Jawatankuasa Kerja Teknikal Kawal Selia yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);

iv. Jawatankuasa Kerja Teknikal Kemahiran dan Bakat yang dipengerusikan oleh Kementerian Pendidikan (MOE); dan

v. Jawatankuasa Kerja Teknikal Teknologi yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Setiap TWG bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan yang telah dikenal pasti di bawah TWG masing-masing. Segala perancangan dan status pelaksanaan perlu dilaporkan kepada Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI dan juga Majlis Industry4WRD yang dipengerusikan oleh YB Menteri MITI. Setakat ini, persiapan dan perancangan rapi sedang diteliti oleh TWG untuk memastikan setiap projek dapat memasuki fasa pelaksanaan secara teratur dan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

MITI telah melancarkan permohonan atas talian bagi syarikat-syarikat yang berminat untuk menjalani program Penilaian Kesediaan (RA) pada 28 Januari 2019. RA merupakan program perdana bagi Industry4WRD untuk menilai tahap kesediaan syarikat perkilangan dan perkhidmatan untuk beralih kepada Industri 4.0. Sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan untuk membiayai 500 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengikuti program RA sepanjang tahun 2019. Selain itu, syarikat multinasional, syarikat besar tempatan dan PKS selebihnya layak mendapat potongan cukai sehingga RM27,000 terhadap perbelanjaan yang telah dibuat atas program RA. Setakat 6 Mac 2019, MITI telah menerima sebanyak 192 permohonan daripada syarikat yang berminat dalam program RA ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari bahawa kekangan kewangan dan akses kepada pembiayaan merupakan antara cabaran bagi industri dalam perolehan teknologi Industri 4.0, Kerajaan telah memperkenalkan dua produk kewangan baharu di bawah Belanjawan 2019 untuk membantu industri, iaitu:

i. Skim jaminan khas Kerajaan berjumlah RM2 bilion yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2018 oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) sebagai akses pembiayaan kepada PKS yang berhasrat menuju ke arah Industri 4.0. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada skim jaminan berjumlah RM6.5 bilion yang diumumkan dalam Bajet 2019 dalam menyokong Dasar Industry4WRD. Sebanyak 13 institusi kewangan terbabit secara aktif untuk mempromosikan skim jaminan, yang mana Kerajaan memberi jaminan sehingga 70 peratus daripada pinjaman yang dibuat oleh PKS.

ii. Dana Transformasi Pendigitalan Industri bernilai RM3 bilion di bawah pengurusan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) bagi merencanakan industri dengan menerapkan teknologi pintar bagi memastikan pemain industri dapat memenuhi kehendak pasaran Industri 4.0. Inisiatif ini juga bertujuan menggerakkan negara untuk menjadi rakan strategik bagi pembuatan pintar dan perkhidmatan yang berkaitan di rantau Asia Pasifik. Majlis pelancaran dana tersebut telah disempurnakan oleh Kementerian Kewangan pada 7 Mac 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

MITI sedang giat menjalankan program jelajah seluruh negara untuk menghebahkan maklumat mengenai Dasar Industry4WRD sebagai usaha untuk meningkat kesedaran umum dan menarik penyertaan industri dalam program RA. Setakat 7 Mac 2019, sebanyak tujuh program kesedaran Industry4WRD telah diadakan di negeri-negeri di wilayah Utara dan Pantai Timur tanah air termasuk di Kuala Lumpur. Program seranta yang diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan akan diteruskan di Selatan tanah air dan juga Sabah dan Sarawak. Sambutan yang menggalakkan daripada pemain industri menunjukkan minat mereka untuk memahami Industri 4.0 dan terus menyokong hasrat dan aspirasi Kerajaan dalam menjayakan Dasar Negara mengenai Industri 4.0.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang kemajuan ekonomi di antara bandar dan luar bandar dan sejauh manakah keberhasilan langkah-langkah tersebut dalam meningkatkan pendapatan rakyat diluar bandar; dan
- (b) setakat manakah tahap ketahanan ekonomi negara dalam tempoh 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tonggak III, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) memberi perhatian khusus kepada usaha untuk merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar. Pelbagai strategi telah dirangka dalam usaha untuk mencapai matlamat ini. Antaranya ialah:
2. Pertama, peruntukan pembangunan diagih secara lebih baik dengan keutamaan kepada enam negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Ini bagi memastikan pertumbuhan yang seimbang antara negeri. Pada tahun 2019, sebanyak RM13.17 bilion atau 42% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan diperuntukkan kepada enam negeri ini.
3. Kedua, infrastruktur asas luar bandar akan dipertingkatkan melalui penyediaan rangkaian jalan raya, perluasan akses kepada bekalan air dan elektrik serta penambahbaikan infrastruktur digital.
4. Ketiga, rangkaian hubungan luar bandar dan bandar akan diperkukuh dengan mempertingkatkan ketersambungan dan mobiliti seterusnya mencapai integrasi ekonomi.
5. Keempat, perkhidmatan sosial, seperti kesihatan primer dan perumahan, akan ditambah baik.
6. Kelima, penyertaan sektor swasta dan aktiviti ekonomi tempatan luar bandar akan dipertingkatkan untuk menarik pelaburan, menjana pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan.

Tuan Yang Dipertua,

7. Kerajaan yakin langkah-langkah ini akan dapat mengurangkan jurang pendapatan penduduk bandar dan luar bandar kepada 1 nisbah 0.67 pada tahun 2020 berbanding 1 nisbah 0.568 pada tahun 2016. Perancangan Kerajaan ini membabitkan peningkatan peruntukan pembangunan luar bandar bagi Rolling Plan 4 (Tahun 2019) sebanyak 15.4% berbanding jumlah peruntukan pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi negara akan mempunyai daya tahan yang kuat untuk tahun yang mendatang melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:-
 - a) Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif.
 - b) Menggalakkan pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi tinggi serta yang berintensifkan pengetahuan. Ini sekaligus dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi.
 - c) Melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah melalui penumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan dan pemodenan sektor pertanian.
 - d) Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran.
 - e) Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampunan dalam jangka sederhana.

9. Pada masa ini segala inisiatif tersebut sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan. Usaha ini pastinya akan dapat memperkukuh dan meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
20 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH

TARIKH : 20 .03. 2019 (RABU)

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membantu meningkatkan kemajuan perniagaan penjaja dan peniaga kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan Garis Panduan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan yang dikeluarkan oleh SME Corp, penjaja dan peniaga kecil dikategorikan di bawah kategori mikro iaitu entiti perniagaan yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM 300 Ribu atau bilangan pekerja yang kurang daripada 5 orang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk mengawal selia industri penjaja dan peniaga kecil. Sehubungan itu, pelbagai program dirancang untuk membantu meningkatkan kemajuan perniagaan penjaja dan peniaga kecil.

Program-program yang telah dirancang adalah merangkumi **latihan peningkatan, pengukuhan dan pemantapan dalam usaha mentransformasi minda, bentuk dan sistem perniagaan** penjaja dan peniaga kecil sedia ada.

NO. SOALAN : 5

Kementerian juga menyediakan **platform khusus di peringkat Negeri dan Kebangsaan** untuk memberi ruang kepada penjaja dan peniaga kecil menyalurkan input melalui Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil kepada Kementerian dalam merancang, menggubal dasar, strategi, program dan aktiviti yang sesuai bagi meningkatkan kemajuan perniagaan penjaja dan peniaga kecil. Untuk makluman, bagi tempoh 2017 sehingga 2018 lebih kurang 2274 bilangan peserta yang menyertai kursus latihan yang disediakan oleh pihak kementerian bagi melahirkan penjaja dan peniaga kecil yang mampan.

Walau bagaimanapun terdapat pelbagai program dan inisiatif yang turut dilaksanakan oleh agensi melalui kementerian seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TEKUN di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, FAMA di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain – lain.

Memandangkan inisiatif - inisiatif pembangunan penjaja dan peniaga kecil dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, maka pihak kementerian sedang dalam usaha bagi mengkoordinasi usaha – usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian yang berkaitan dalam pembangunan penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara agar program pembangunan yang dilaksanakan dapat dilakukan secara komprehensif dan holistik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 6

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) yang memberi kuasa mutlak kepada semua pihak berkuasa melakukan siasatan mengikut AMLA dan apakah justifikasi AMLA digunakan untk menyiasat kes yang bersangkutan-paut dengan kutipan cukai pendapatan dan kastam yang menjadi kontroversi dalam kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA) telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2014 dan telah berkuat kuasa pada 1 September 2014. Matlamat pindaan tersebut antara lain adalah untuk memperkukuh langkah-langkah penguatkuasaan dan kuasa penyiasatan agensi penguat kuasa serta meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh semua agensi terlibat ke atas hasil dan perolehan kesalahan berat di bawah akta-akta yang berkaitan.

2. Kesalahan berat yang disenaraikan dalam Jadual Kedua AMLATFA sentiasa diteliti dan disemak serta ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan trend kegiatan jenayah yang berlaku. Setakat ini, terdapat 416 kesalahan berat daripada 49 akta yang telah disenaraikan di bawah jadual tersebut.

3. Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk memastikan peruntukan-peruntukan di bawah AMLATFA selaras dengan piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan agensi penguat kuasa pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan cukai pendapatan dan perkastaman adalah termasuk dalam 21 kategori kesalahan berat yang disenaraikan oleh Financial Action Task Force (FATF), iaitu sebuah badan antarabangsa yang menetapkan piawaian untuk langkah-langkah pencegahan jenayah pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

SOALAN NO : 6

5. Selaras dengan piawaian antarabangsa, kesalahan-kesalahan tersebut telah dimasukkan ke dalam senarai kesalahan berat di bawah Jadual Kedua AMLATFA, bagi membolehkan agensi penguat kuasa menyiasat kes-kes tersebut. Kes-kes pengelakan duit dan cukai yang berat dan serius akan diberikan keutamaan.

Langkah ini akan mendorong kepada penguatkuasaan yang lebih berkesan memandangkan kuasa siasatan di bawah AMLATFA adalah menyeluruh dan mencakupi kuasa-kuasa pembekuan, penyitaan dan pelucuthakan harta, serta amat berkesan untuk memastikan apa-apa hasil daripada aktiviti wang haram dapat dikenal pasti bagi penguatkuasaan undang-undang. Sebagai langkah semak dan imbang, AMLATFA turut memeruntukkan bahawa sebarang penyitaan harta dilakukan dengan kebenaran pihak Timbalan Pendakwa Raya dan bukannya di bawah kuasa mutlak agensi penguat kuasa yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Langkah-langkah ini penting bagi membendung penularan gejala pengubahan wang haram di Malaysia. Menurut laporan *Global Financial Integrity* (GFI), Malaysia secara konsisten sejak tahun 2005 telah menduduki tempat 5 teratas di kalangan 148 negara membangun yang mempunyai aliran kewangan haram yang terbesar, kecuali pada tahun 2013 (**lihat Jadual 1**).

JADUAL 1: KEDUDUKAN MALAYSIA DARI SEGI ALIRAN KEWANGAN HARAM DALAM LAPORAN GLOBAL FINANCIAL INTEGRITY

Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Kedudukan	4	4	4	4	5	4	5	4	6	5	3

SOALAN NO : 6

7. Malah berdasarkan kepada laporan GFI yang terbaharu yang diterbitkan pada bulan Januari 2019, kedudukan Malaysia telah merosot apabila Malaysia menaiki dua anak tangga ke tempat ke-3 pada tahun 2015 daripada tempat ke-5 pada tahun sebelumnya. Bagi Malaysia pada tahun 2015, GFI menganggarkan aliran sebanyak USD33.7 bilion (RM131.8 bilion) adalah berkaitan dengan wang haram (**lihat Jadual 2**).

JADUAL 2: NEGARA DENGAN ANGGARAN ALIRAN KEWANGAN HARAM TERBESAR UNTUK TAHUN 2015

No	Negara	Anggaran (USD bilion)
1	China	222.0
2	Mexico	42.9
3	Malaysia	33.7
4	Rusia	31.0
5	Arab Saudi	16.1
6	Thailand	14.7
7	Brazil	12.2
8	Indonesia	10.9
9	Vietnam	10.6
10	Afrika Selatan	10.2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM[TAIPING]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tahap pencapaian industri pelancongan sejak 2010 dan apakah cabaran yang sedang dihadapi dan langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk bersaing dan memajukan industri pelancongan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula tahun 2010 hingga 2014, trend ketibaan pelancong ke Malaysia sentiasa mencatatkan pertumbuhan positif. Walau bagaimanapun, trend ini berubah pada tahun 2015 kerana industri terjejas disebabkan oleh pelbagai insiden yang mengugat keyakinan pelancong termasuklah isu keselamatan seperti kes penculikan pelancong di pulau-pulau peranginan di Sabah, serangan pengganas di Lahad Datu, Sabah dan insiden pesawat MH370 dan MH17. Walau bagaimanapun, trend pendapatan pelancong menunjukkan pertumbuhan positif bermula tahun 2016 sehingga tahun 2018. Pada tahun 2018, pendapatan pelancongan negara telah meningkat sebanyak 2.4% kepada RM 84.1 bilion berbanding RM 82.2 bilion pada tahun 2017.

NO. SOALAN: 7

Antara cabaran utama yang mempengaruhi perkembangan industri pelancongan negara adalah kemudahsampaian iaitu dari segi penawaran tempat duduk penerbangan (*air seat capacity*) ke negara kita. Penawaran tempat duduk penerbangan antarabangsa ke Malaysia adalah kurang berbanding dengan ke Singapura dan Thailand. Thailand mendahului penawaran tempat duduk penerbangan bagi bulan Januari 2019 iaitu sebanyak 4.6 juta tempat duduk diikuti oleh Singapura dengan 3.5 juta tempat duduk penerbangan manakala bagi Malaysia, penawaran tempat duduk penerbangan adalah terendah di antara tiga negara ini iaitu 2.7 juta tempat duduk. Sehubungan itu, Kementerian melalui *Tourism Malaysia* melaksanakan usaha berterusan melalui perkongsian pintar bersama syarikat-syarikat penerbangan seperti Condor Air, Emirates Airlines, Etihad Airways, Philippines Airlines, Turkish Airlines dan Qatar Airways termasuklah syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines, Air Asia dan Malindo Air yang mempunyai rangkaian penerbangan yang luas bagi membantu meningkatkan ketibaan bagi pasaran jarak jauh dan jarak sederhana.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi menggalakkan syarikat perbangan tempatan untuk mewujudkan penerbangan terus dari Eropah dan Timur Tengah.

Menjelang tahun 2020, Kementerian telah menetapkan sasaran kedatangan pelancongan seramai 30 juta orang dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM 100 bilion, selaras dengan hasrat Kementerian untuk melaksanakan kempen *Visit Malaysia 2020*. Dalam mencapai sasaran ini, Kementerian telah merancang beberapa strategi utama iaitu:

1. Malaysia telah menjadi ITB *Partner Country* pada tahun 2019 di Berlin, Germany. ITB Berlin merupakan pameran pelancongan antarabangsa yang terbesar dan terkemuka di dunia dengan penyertaan sebanyak 180 buah negara dari seluruh dunia. Sebagai *Partner Country* Malaysia akan diberi keutamaan untuk dipromosikan bersama dengan pihak penganjur.

NO. SOALAN: 7

2. Bagi mempergiatkan industri pelancongan, Kerajaan akan menyediakan geran sepadan atau *matching grant* sebanyak RM100 juta kepada syarikat swasta bagi program promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa untuk meningkatkan ketibaan pelancong.
3. Dalam usaha membantu dan meluaskan perniagaan pengusaha kraftangan dan *homestay* pula, dana tabung pelancongan PKS yang bernilai RM500 juta akan disediakan oleh SME Bank di mana Kerajaan akan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2%.
4. Pelaksanaan sepenuhnya atau *rolling out* Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 di mana 60 kluster ekopelancongan telah dikenalpasti di seluruh negara.
5. Kerajaan juga akan mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO seperti Taman Hutan Selangor FRIM, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor dan Taman Negeri Royal Belum di Perak.

Bagi tempoh jangka panjang pula, Kementerian dalam proses akhir untuk memuktamadkan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2050. Pelaksanaan DPN 2020-2050 adalah berteraskan 3 elemen utama iaitu daya saing, lestari dan inklusif sebagai pemangkin kepada transformasi industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 20 MAC 2019 | RABU

SOALAN

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos bayaran menunaikan haji bagi pengiring bakal haji yang berstatus uzur, mahram dan rayuan awal mengerjakan ibadat haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif dan insentif yang ditawarkan kepada golongan belia dan lepasan sekolah yang ingin menceburi bidang TVET bagi menambah baik taraf kehidupan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Pakatan Harapan (PH) serius dalam meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di kalangan belia dan lepasan sekolah mengikut saranan Rancangan Malaysia Ke-11.
2. Pelbagai inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan terutamanya untuk menggalak belia dan lepasan sekolah supaya menceburi bidang TEVT bagi menambah baik taraf hidup mereka melalui:
 - i. Pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) iaitu kaedah berorientasikan industri yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Pelatih akan menjalani 70% latihan secara praktikal (hands

SOALAN NO : 9

on) di tempat kerja sebenar dan 30% lagi adalah latihan di institusi latihan bagi pembelajaran teori. Program ini dikendalikan melalui usaha sama syarikat dan institusi latihan. Pelatih yang mengikuti program SLDN berinsentif akan mendapat insentif sebanyak RM300 yang diberikan secara bulanan. Untuk rekod, sehingga Januari 2019, lebih 108,000 pelatih telah menyertai program ini. Pelatih juga mempunyai peluang besar ditempatkan bekerja ditempat kerja tersebut sekiranya menunjukkan potensi dan kompetensi yang diperlukan oleh majikan.

ii. Selain itu, Program SLDN Khas telah diwujudkan bagi membantu golongan yang ingin terus masuk ke pasaran pekerjaan. Pelatih yang mengikuti Program SLDN Khas ini turut layak menerima insentif RM300 sebulan sepanjang latihan yang mereka terima.

iii. Sebagai tambahan, Kerajaan telah mengiktiraf dan membuka peluang bagi calon yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dikeluarkan oleh JPK dalam 66 bidang kemahiran tertentu untuk menyertai sektor awam sesuai dengan keperluan Jabatan tersebut dalam melaksanakan skop fungsi bidang tugas yang diperlukan oleh perkhidmatan berkaitan. Ini adalah tarikan terbaharu bagi belia untuk menceburi bidang kemahiran (TVET) sebagai pilihan utama.

3. Secara kesimpulannya, pelbagai inisiatif dan insentif telah diperkenalkan kerajaan bagi membuka mata masyarakat untuk menyertai TVET. Pendapatan yang lumayan serta peluang pekerjaan yang luas adalah ganjaran utama kepada graduan-graduan TVET. Perlu kita ingat, untuk menjadi negara maju, kita perlu membangunkan sebanyak yang mungkin tenaga kerja mahir berasaskan TVET untuk menyokong pembangunan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sasaran kemasukan pelaburan asing pada 2019 ke dalam negara dan apakah usaha bagi mengembalikan kepercayaan pelabur ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam mengukuhkan usaha bagi terus menarik pelaburan asing ke dalam negara bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi utama pilihan para pelabur. Pada tahun 2018, sebanyak 721 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM87.4 billion dan dijangkakan akan menghasilkan lebih 59,000 peluang pekerjaan baru. Berbanding tahun sebelumnya, prestasi pada tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 37 peratus. Manakala sektor perkhidmatan termasuk sektor hartanah mencatatkan jumlah sebanyak

NO SOALAN : 10

RM103.4 billion dan sektor utama sebanyak RM10.9 billion menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM201.7 billion.

Bagi tahun 2019 pula, Kementerian ini mensasarkan kemasukan pelaburan ke dalam negara bagi sektor perkilangan sebanyak RM58 billion dan sektor perkhidmatan sebanyak RM55 billion, tidak termasuk sektor hartanah. Berdasarkan statistik kelulusan bagi sektor hartanah dan industri utama pada tahun 2018, sektor-sektor ini mencatatkan kelulusan sebanyak RM58.8 billion. Walau bagaimanapun pada tahun 2019, dijangkakan sektor hartanah akan mengalami kadar pertumbuhan yang rendah kerana projek-projek mega yang telah ditangguhkan. Industri-industri pengilangan yang disasarkan akan menyumbang kepada kemasukan pelaburan asing adalah daripada sektor elektronik dan elektrik, kimia dan bahan kimia, produk logam asas dan jentera dan peralatan, *aerospace* dan peralatan perubatan. Manakala bagi sektor perkhidmatan disasarkan penyumbang utamanya adalah daripada segmen Teknologi Hijau, hotel dan pelancongan, minyak dan gas serta perkhidmatan pendidikan dan *Principal Hub*.

Kerajaan menyedari akan kepentingan pelabur asing bagi memacu ekonomi Malaysia dan akan sentiasa memastikan Malaysia terus menjadi pilihan utama pelaburan asing di rantau ini. Antara langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia adalah seperti berikut:

i. memperkenalkan pelbagai strategi dan insentif sebagai pemangkin dalam usaha menggalakkan pelaburan bernilai tinggi, termasuk yang berasaskan tren mega industri terkini seperti Industri 4.0 dan ekonomi digital disamping mensasarkan pertumbuhan baharu dalam sektor perkhidmatan yang bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan yang mampu menyumbang kepada peningkatan jumlah pelaburan dan menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju dan inklusif serta memfokuskan kepada pelaburan yang bercirikan teknologi, inovasi dan nilai ditambah tinggi serta berintensifkan pengetahuan dan modal,

NO SOALAN : 10

pelaburan ini akan dapat menjana lebih banyak peluang pelaburan lain hasil daripada rangkaian ke hadapan dan ke belakang (*forward and backward linkages*);

ii. meneruskan dasar pelaburan yang liberal dan mesra pelabur seperti pemilikan 100% ekuiti asing bagi semua projek dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih serta kebebasan untuk menghantar pulang pelaburan termasuk modal, keuntungan dan dividen;

iii. mengkaji semula secara komprehensif dan menambah baik dasar-dasar insentif serta memperkukuhkan kemudahan pelaburan agar lebih menarik dan lebih kompetitif serta mampu bersaing khususnya dengan negara-negara lain di rantau ini;

iv. menambahbaik pendekatan ekosistem apabila menasaskan pelaburan ke dalam negara. Melalui pendekatan komprehensif ini, rangkaian nilai setiap industri diteliti bagi mengenalpasti jurang dalam rangkaian tersebut dan seterusnya menentukan pelaburan yang dapat melengkapi jurang rangkaian tersebut;

v. meneruskan usaha penggalakan sedia ada menerusi penganjuran misi-misi pelaburan ke luar negara bagi menggalakkan dan menarik pelaburan baharu. Ini termasuklah penganjuran sesi persidangan pembekal-pembekal industri antaranya melibatkan *business matching*, dengan izin untuk memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan, melaksanakan pengilangan kontrak dan memberi peluang kepada pelabur tempatan untuk membekalkan bahan mentah, komponen atau bahagian kepada pelabur asing yang menubuhkan perniagaan di Malaysia; dan

vi. memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Community (AEC)* dengan izin, dan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreements (FTAs)* dengan izin, untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk pelaburan dan untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik. Malaysia telah menandatangani sebanyak enam (6)

NO SOALAN : 10

Regional FTA dan tujuh (7) *Bilateral FTA* setakat tahun 2018. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memperkukuhkan hubungan baik dengan *World Trade Organisation (WTO)* dengan izin, sejak penyertaan Malaysia sebagai ahli WTO untuk memastikan fasilitasi pelaburan langsung asing (FDI) di negara ini terjamin.

vii. Mengambil peluang ke atas implikasi *trade war* antara Amerika Syarikat dan China. China merupakan rakan perdagangan utama di Asia Tenggara termasuklah sektor pelaburan dan pelancongan. Pengilang-pengilang dari China sekarang sedang meneroka peluang pelaburan di Asia Tenggara termasuklah Malaysia sebagai alternatif untuk menjalankan aktiviti pengeluaran mereka dan seterusnya mengeksport keluaran tersebut ke Amerika Syarikat. Pelabur negara China sudah mengenali Malaysia sekian lama kerana terdapat persamaan dari segi budaya, bahasa, suasana perniagaan dan Malaysia juga mampu menyediakan tenaga mahir tempatan berbanding negara-negara Asean lain. Sehubungan itu, Malaysia mensasarkan untuk menarik pelabur-pelabur dari negara China dari sektor-sektor berteknologi tinggi, nilai tambah tinggi, berintensif modal dan tidak mencemarkan persekitaran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 11

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan keadaan guru kondusif dan terapeutik terutama di kawasan persekitaran bilik guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa cakna dan prihatin terhadap kebajikan guru. KPM telah mengenal pasti 12 inisiatif terbaharu peringkat sekolah yang berteraskan kegembiraan, kasih sayang dan hormat menghormati. Salah satu daripadanya ialah pewujudan Kawasan Rehat Guru (KRG). Hal ini merupakan salah satu daripada usaha awal KPM untuk memastikan kesejahteraan para guru.

KRG merujuk kepada satu kawasan atau ruang kongsi sama khusus untuk guru merehatkan badan dan fikiran seketika sebelum mereka meneruskan tugas lain di sekolah. Di samping untuk memberi peluang kepada guru berkomunikasi dan bertukar pandangan secara santai tetapi berfaedah ke arah penambahbaikan kualiti kerja secara profesionalisme. Ruang ini mempunyai kemudahan dan kelengkapan asas yang dapat melahirkan suasana yang kondusif. KRG ini berbeza dengan bilik guru yang lebih merupakan ruang kerja (*work station*).

NO. SOALAN : 11

Surat makluman berkaitan Pewujudan Kawasan Rehat Guru di Sekolah KPM telah dikeluarkan pada 19 Disember 2018. Surat tersebut mengarahkan semua sekolah mewujudkan kawasan rehat guru bagi menyediakan persekitaran dan suasana yang selesa dan terapeutik.

Perkara ini juga turut dimasukkan dalam dalam Amanat Menteri Pendidikan Tahun 2019 yang telah disampaikan kepada semua pengarah Jabatan Pendidikan Negeri pada awal Januari tahun 2019 yang lalu. Pihak sekolah telah diberi kebebasan dan kreativiti untuk menyediakan ruang khas bagi kawasan rehat guru. KPM juga menggalakkan sumbangan masyarakat Badan Bukan Kerajaan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru alumni sekolah dan pihak swasta untuk mewujudkan dan menceriakan KRG di sekolah-sekolah.

Sekian, terima kasih

RJM 49

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian berkaitan persijilan halal terutama di medan selera, pasar raya, hotel, lapangan terbang serta tempat tumpuan ramai. Adakah Kerajaan mahu mewajibkan sijil halal untuk kawasan tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK DR MUJAHID BIN YUSUFF RAWA, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian berkaitan persijilan halal terutama di medan selera, pasar raya, hotel, lapangan terbang serta tempat tumpuan ramai. Adakah Kerajaan mahu mewajibkan sijil halal untuk kawasan tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK DR MUJAHID BIN YUSUFF RAWA, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan undang-undang yang sedia ada, permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pemohon. Undang-undang untuk mewajibkan SPHM kepada pengusaha belum diwujudkan buat masa ini. Namun sekiranya pihak berkuasa yang mengawal selia premis berkenaan mewajibkan pensijilan halal melalui peraturan di bawah bidang kuasa agensi masing-masing, JAKIM akan sentiasa menyokong dan sedia memberi kerjasama.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menggalakkan permohonan SPHM dan meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha mengenai pensijilan halal Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon SPHM. JAKIM dengan kerjasama agensi-agensinya pembimbing berkaitan pembangunan industri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), FELCRA, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Perbadanan Pembangunan

NO. SOALAN: 12

Perdagangan Luar Malaysia (*MATRADE*), SME CORP, pihak berkuasa kerajaan tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Malaysia Berhad) telah membantu industri-industri mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Sehingga kini, JAKIM mendapati terdapat banyak usaha dan inisiatif sendiri yang telah diambil oleh agensi berkaitan termasuklah pihak berkuasa kerajaan tempatan. Umpamanya Perbadanan Putrajaya dan pengusaha kafetaria setempat yang telah mewajibkan Pensijilan Halal Malaysia dalam kalangan pengusaha premis makanan seliaan mereka di bawah undang-undang kecil pelesenan penempatan makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2012.

Dalam masa yang sama kerajaan melalui kerajaan melalui JAKIM dan agensi-agensi lain terus berusaha mengadakan promosi melalui taklimat dan bengkel mengenai prosedur dan kepentingan pensijilan halal serta mengadakan program bersama pihak persatuan-persatuan industri seperti Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM), Federations of Malaysia Manufacturer (FMM), The Cosmetic, Toiletry & Fragrance Association of Malaysia (CTFA), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan lain-lain bagi membantu meningkatkan jumlah permohonan Sijil Halal Malaysia di kalangan industri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SEMAK SEMASA JAWAPAN
EMBARGO
SEHINGGA DIJAWAB OLEH YB. MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU
(LIBARAN)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO.13

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang dikenakan tindakan kerana gagal mematuhi kadar had gaji minimum di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

PN-1412- L03391

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di Negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, JTK Sabah dan JTK Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum.

2. Dasar gaji minimum telah dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2014. Mulai dari tarikh tersebut sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 717kes pendakwaan telah dijalankan ke atas majikan yang tidak mematuhi gaji minimum di seluruh negara. Daripada jumlah kes pendakwaan tersebut, sebanyak 507 kes pendakwaan melibatkan majikan di Semenanjung Malaysia, 129 kes pendakwaan melibatkan majikan di Sabah dan 81kes pendakwaan majikan di Sarawak. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai di seluruh negara adalah sebanyak RM1,029,150.00.

SOALAN NO: 13

3. Kerajaan melalui JTK sentiasa memantau secara berterusan aspek pematuhan gaji minimum. Jika mana-mana pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan dengan tempat kerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membaiki bangunan Klinik Kesihatan Sapulut yang mengalami kerosakan akibat struktur tanah yang tidak stabil.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

KKM telah meluluskan peruntukan berjumlah RM490,000.00 pada tahun 2018 di bawah butiran BP00600 – Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan fasiliti kesihatan KKM. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk membaiki kerosakan bangunan Klinik Kesihatan Sapulut dan kerja-kerja di sekitar bangunan klinik tersebut.

Merujuk kepada keadaan bangunan Klinik Kesihatan Sapulut, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah akan mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk menjalankan siasatan tanah (*soil investigation*) bagi mengesahkan tahap keselamatan bangunan tersebut untuk diduduki. Sekiranya bangunan ini tidak selamat diduduki, KKM mencadangkan agar klinik ini dipindahkan ke tapak baru yang lebih sesuai bagi menggantikan klinik ini dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan juga pihak Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan tentang pembaikan sekolah-sekolah daif di Sabah. Berapakah peruntukan yang sudah diturunkan ke Sabah untuk tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif untuk murid dan guru di sekolah di seluruh negara termasuklah di Sabah. Sehingga Februari 2019 naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos berjumlah RM552.1 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI).

Untuk tahun 2018 sahaja, kelulusan untuk menaik taraf 120 buah sekolah daif telah dibuat dengan kos sebanyak RM429 juta. Sehingga 28 Februari 2019 sebanyak 73 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 47 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada April 2019.

NO. SOALAN : 15

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak JKR secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Mei 2019. Sekolah-sekolah tersebut adalah:

1. SK Sungai-Sungai, Beluran
2. SK Nibang, Pitas
3. SK Tiong Wido, Tambunan

Proses libat urus bersama-sama Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah sentiasa diadakan. KPM mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah atas inisiatif dan usaha berterusan berkomunikasi dengan pihak Kementerian untuk menyelesaikan isu pembangunan pendidikan di Negeri Sabah. Ini dizahirkan melalui siri lawatan YB Menteri Pendidikan ke Sabah dan terkini lawatan ke sekolah-sekolah di kawasan pulau di mana Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah bersama-sama sepanjang lawatan.

Sekian, terima kasih

RJM 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN NO. 16

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta PERDANA MENTERI menyatakan benarkah KHAZANAH ada mempertimbangkan untuk melupuskan sebahagian daripada hartanah dan pelaburan teknologi di luar negara serta rasional pelupusan itu dilaksanakan.

[JPM]

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) merupakan Dana Kekayaan Berdaulat (SWF) negara yang tidak menerima sebarang suntikan dana secara berkala daripada sumber luar, tidak seperti Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan sebagainya.

Sumber pendanaan KWSP adalah caruman daripada kira-kira 7 juta pekerja setiap bulan manakala sumber pendanaan PNB pula adalah daripada rakyat Malaysia yang melabur dalam skim-skim amanah sahamnya. Hasil daripada pelupusan saham Khazanah lazimnya digunakan untuk beberapa tujuan utama:

SOALAN NO: 16

1. Untuk Khazanah membuat pelaburan baharu;
2. Untuk perbelanjaan operasi Khazanah, termasuk mengurangkan hutang Khazanah; dan
3. Untuk Khazanah membayar dividen kepada Kerajaan.

Untuk makluman, pelupusan pegangan-pegangan saham oleh Khazanah adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan dan bukanlah perkara baharu. Sebagai contoh, dari 2009 hingga 2017, iaitu semasa pentadbiran Kerajaan sebelum ini, Khazanah telah membuat pelupusan berjumlah RM45.3 bilion. Untuk perbandingan, **pada 2018, jumlah pelupusan Khazanah adalah kira-kira RM3.8 bilion berbanding RM6.4 bilion pada 2017.**

Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasarannya. Ini merupakan rasional utama bagi sebarang pelupusan yang dilakukannya.

Setiap satu peluang pelupusan akan dinilai berdasarkan sasaran kewangan dan juga sasaran strategik yang ditetapkan, yang turut bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan, kualiti dan kredibiliti pembeli, memandangkan pelupusan itu sendiri sememangnya bersifat oportunistik. Justeru itu, sebarang peluang untuk melupuskan aset-aset milik Khazanah, termasuk aset hartanah dan teknologi, akan turut dipertimbangkan dengan cara yang sama iaitu hanya apabila mencapai pulangan dan objektif pelaburannya.

Khazanah tidak dapat menyatakan secara terperinci aset-aset yang bakal dilupuskannya pada tahun kewangan semasa memandangkan ia memerlukan kelulusan pihak tertentu termasuk Lembaga Pengarah serta pihak pengawal selia, baik di dalam mahupun di luar negara, bagi memastikan ia dilaksanakan secara tertib dan teratur serta menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendekatan dan langkah penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia memandangkan nisbah pakar psikiatri kepada pesakit adalah 1:100,000 walhal ianya sepatutnya 1:10,000 dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan subsidi atau pengurangan kos perubatan bagi pesakit kesihatan mental ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga November 2018, terdapat seramai 194 orang Pakar Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di seluruh negara. Jumlah ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 24% berbanding pada tahun 2014 iaitu sebanyak 153 orang Pakar Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental.

Antara usaha yang telah diambil Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pegawai Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana perubatan dan sub kepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2013 kepada 66 slot pada tahun 2017 dan mengunjurkan sehingga tahun 2025;

ii. Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran bagi bidang Psikiatri melalui program laluan paralel *MRCPPsych* (dengan izin);

iii. Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan; dan

iv. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Yang di-Pertua,

Selain dari mengatasi masalah kekurangan pakar psikiatri, KKM juga telah mengambil pendekatan dan langkah penyelesaian menangani masalah kesihatan mental melalui;

Perkhidmatan Kesihatan Primer

i. KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 958 buah klinik-klinik kesihatan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan. Pada masa ini pihak KKM sedang menyediakan cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kaunseling melalui perkhidmatan psikologi kaunseling;

Pelaksanaan Program Minda Sihat di Sekolah

i. Program Minda Sihat sekolah dijalankan secara kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan bagi pelajar tingkatan 4 dengan menjalankan saringan pengesanan awal DASS (Depression, Anxiety and Stress Scale) untuk mengetahui status kesihatan mental.

Program dan Fasiliti Kesihatan Mental Untuk Masyarakat

- i. Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan yang diberikan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan; dan
- ii. Kementerian telah mewujudkan sebanyak 32 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh Malaysia dengan 10 daripadanya masih dalam proses pewartaan bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi pesakit mental di peringkat komuniti.

Yang di-Pertua,

Buat masa ini, isu bagi mengenakan subsidi atau pengurangan kos perubatan bagi pesakit kesihatan mental belum lagi dibincangkan di peringkat KKM, ini memandangkan caj rawatan pesakit luar (bagi satu lawatan) termasuk segala siasatan dan ubat-ubatan hanyalah RM1.00 dan ini termasuk rawatan di Hospital Besar, Hospital Daerah dan Klinik Kesihatan.

Bagi kes rujukan kepada klinik pakar psikiatri pula, caj bagi satu rawatan dengan rujukan daripada pegawai perubatan kerajaan adalah percuma bagi lawatan pertama, dan hanya RM5 untuk setiap "follow-up" (termasuk segala siasatan dan ubat-ubatan). Jika rujukan daripada Pengamal Persendirian (*general practitioner* atau hospital swasta) caj adalah RM30 bagi lawatan pertama, RM5 untuk setiap "follow-up" (tidak termasuk siasatan). Bagi golongan kurang upaya, penerima bantuan kebajikan, pelajar sekolah serta penderma darah dan organ, mereka diberikan pengecualian caj rawatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan eksport, mengurangkan import barangan dan perkhidmatan. Berikan data 5 tahun terkini perdagangan dan juga data eksport perniagaan milik Bumiputera serta langkah untuk meningkatkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), telah merancang pelbagai program untuk meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan negara.
2. Antara program-program tersebut adalah penganjuran program-program untuk syarikat-syarikat tempatan (termasuk syarikat Bumiputera) seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Akselarasi Eksport, dan Program Penyumberan Antarabangsa. Program-program promosi seumpama ini telah menghasilkan impak yang tinggi dan memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia ke luar negara.

3. Pada tahun 2018, MATRADE terlibat di dalam 36 Misi Akselerasi Eksport, 22 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 15 Program Penyumberan Antarabangsa, 7 Lawatan Promosi Perdagangan (Trade Promotion Visit), 5 Misi Perdagangan dan Pelaburan dan satu Program Promosi Malaysia yang menyaksikan penglibatan langsung sebanyak 2,638 buah syarikat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi tahun 2019 pula, MATRADE akan menganjurkan 41 aktiviti promosi perdagangan antarabangsa termasuk seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa (17 aktiviti), Misi Akselerasi Eksport (17) dan Program Penyumberan Antarabangsa (7).

5. MATRADE turut melaksanakan program-program pembangunan pengeksport dengan bertujuan melahirkan serta memantapkan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia sebagai pengeksport yang lebih berdaya saing dan berkemampuan terutamanya dalam penerokaan pasaran antarabangsa.

6. Program-program pembangunan pengeksport ini termasuklah:

- i) Penganjuran Bengkel dan Seminar;
- ii) Program *Going Export* (Go-Ex);
- iii) Program *eTrade*, dengan izin;
- iv) Dana Eksport Perkhidmatan (SEF);
- v) Geran Pembangunan Pasaran; dan
- vi) Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan.

7. Program eTrade:

Merupakan salah satu inisiatif di bawah Digital Malaysia, untuk menggalakkan PKS mengeksport secara atas talian serta mendapatkan akses kepada pasaran global menerusi pelbagai platform e-Dagang dengan pemberian insentif kewangan untuk menanggung sebahagian daripada kos, bagi menyertai eMarketplaces terkemuka antarabangsa. Syarikat-syarikat

Malaysia yang mengambil bahagian juga diberikan latihan hands-on yang khusus berkaitan usaha eksport atas talian ini. Antara *eMarketplaces* dengan izin, di bawah program eTRADE sekarang adalah Alibaba.com, Amazon, eBay, TradeIndia, DagangHalal, BuyMalaysia dan kerjasama bersama JinBaoMen (M) Sdn Bhd yang membantu menyenaraikan PKS Malaysia dalam B2C eMarketplaces di China seperti TMall, JD.com dan Suning.com.

8. Pada Julai 2018, MATRADE telah mengumumkan kerjasama dengan syarikat penyedia perkhidmatan teknologi eDagang, iaitu AVANA di bawah Program eTRADE. Kerjasama ini bertujuan meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia terutamanya Enterpris Kecil dan Sederhana (PKS) menggunakan eDagang untuk mengeksport melalui media sosial Facebook, selain daripada memberi lebih banyak pilihan platform eDagang dalam Program eTRADE.

9. Menerusi kerjasama ini, PKS yang ingin memasarkan produk-produk mereka ke luar negara menerusi platform AVANA/Facebook boleh memohon insentif daripada Program eTRADE. Di bawah program tersebut, PKS yang memenuhi kriteria kelayakan akan menerima insentif sebanyak RM5,000 dalam bentuk e-Voucher dan bayaran balik. Insentif tersebut boleh membiayai kos penyediaan laman web di dalam Facebook, latihan, serta pemasaran digital yang akan dilakukan oleh pihak AVANA dan menggunakan platform Facebook.

10. Pada Ogos 2018, MATRADE, syarikat AVANA dan Facebook telah melancarkan kempen “Made by Malaysia for the World” (MBM) di MITI.

11. Secara amnya, halatuju strategi eksport MATRADE adalah menjurus kepada meningkatkan tindak balas terhadap dinamik pasaran termasuk integrasi ke rantai bekalan global dan secara aktif memanfaatkan platform e-dagang antarabangsa dan tempatan. Selain itu, promosi bersasarkan terhadap sektor bernilai tinggi akan diteruskan merangkumi barangan elektrik & elektronik, produk kimia, petrokimia dan peralatan perubatan & farmaseutikal serta perkhidmatan seperti

teknologi maklumat & komunikasi, minyak & gas, perkhidmatan perniagaan & profesional dan perkhidmatan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. MATRADE juga menganjurkan Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), program khusus bagi syarikat bumiputera. Sehingga kini, 182 syarikat Bumiputera telah menerima manfaat di bawah program ini. Pada tahun 2018, nilai jualan eksport syarikat-syarikat Bumiputera di bawah program ini ialah RM307.3 juta.

10. Statistik Malaysia tidak mempunyai data eksport perniagaan milik bumiputera walaubagaimanapun, nilai jumlah perdagangan Malaysia sejak lima tahun lalu adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perdagangan (RM)	Jumlah Eksport (RM)	Jumlah Import (RM)	Imbangan Dagangan (RM)
2014	1.448 trillion	765.42 bil	682.94 bil	82.48 juta
2015	1.463 trillion	777.36 bil	685.78 bil	91.58 juta
2016	1.485 trillion	786.96 bil	698.82 bil	88.16 juta
2017	1.771 trillion	934.93 bil	836.42 bil	98.50 juta
2018	1.876 trillion	998.28 bil	877.76 bil	120.52 juta

11. Data BDEP 2017

Bil	Butiran	Tahun	
		2017	2018
1	Jumlah Pengambilan Syarikat Baru	8	7
2	Bil. Semasa Syarikat Dalam Program	31	27
3	Bil. Syarikat Tamat Program	12	11
4	Bil. Aktiviti Promosi Perdagangan Disertai	6	21
5	Jumlah Perbelanjaan Pembiayaan MATRADE (RM Juta)	0.083	0.37
6	Jumlah Jualan Eksport (RM Juta)	5.78	307.3
7	Jumlah Business Meetings	92	1,075

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN : 19

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan projek Pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ranau yang telah diluluskan dalam RMK-11 adakah akan dilaksanakan seperti yang telah dirancang dan apa status terkini tentang projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan MRSM Ranau adalah usahasama antara Petronas dan MARA. Dalam RMKe-11, jumlah peruntukan untuk MRSM Ranau adalah sebanyak RM10 juta bagi pembelian alatan. Manakala kos dan kerja pembinaan dilaksanakan sepenuhnya oleh Petronas di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Petronas dalam bidang pendidikan. Status terkini pembinaan MRSM Ranau adalah diperingkat kerja awalan pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 20

Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah matlamat Kerajaan mengawal aset digital dan mata wang crypto (cryptocurrencies) memandangkan banyak negara masih belum berbuat demikian sebab ianya boleh menjejaskan perkembangan industri fin-tech ini di Malaysia pada masa yang akan datang; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk industri fin-tech, digital aset dan mata wang crypto (crypto-currencies) di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan berpandangan bahawa aset digital dan teknologi *blockchain*, adalah satu inovasi yang berpotensi untuk digunakan dalam aktiviti penjanaan dana dan berpotensi untuk digunakan oleh pemain industri termasuklah oleh syarikat di peringkat semai (*seed company*), permulaan (*start-up*) mahupun syarikat peringkat awal (*early-stage company*). Ia juga merupakan kelas aset yang baharu untuk para pelabur. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkembangan dan inovasi dalam industri *fintech* adalah teratur, peraturan dan garis panduan yang bersesuaian wajar diperkenalkan untuk mengurangkan risiko serta dapat memelihara kepentingan pelabur. Ini termasuklah keperluan untuk penzahiran maklumat, langkah-langkah untuk mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and counter financing of terrorism*) dan mengesan aktiviti-aktiviti penipuan.

2. Susulan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengeluarkan garis panduan untuk mengawal selia pasaran aset digital. Mana-mana pihak yang ingin mengendalikan pasaran aset digital harus memohon kelulusan SC untuk didaftarkan sebagai operator pasaran diiktiraf (*recognized market*).

3. Kerajaan akan terus menjalankan usaha untuk menarik syarikat-syarikat *fintech* antarabangsa yang berwibawa untuk melabur dan mengembangkan operasi Malaysia di Malaysia, sebagai salah satu langkah menuju pendigitalan ekonomi negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Antara syarikat *fintech* antarabangsa yang telah meluaskan tapak ke Malaysia ialah Razer, yang telah melaburkan sebanyak RM20 juta untuk pembangunan *e-sports* di Malaysia, dan baru sahaja membuka pejabat mereka di Malaysia untuk membangunkan produk *e-wallet* mereka, *Razer Pay*. Selain itu syarikat teknologi gergasi Ali Baba juga telah melaburkan lebih USD100 juta ke dalam *Digital Free Trade Zone*, termasuk bagi penubuhan pusat data (*data centers*), untuk membantu syarikat-syarikat kecil meluaskan capaian mereka di peringkat antarabangsa. Sebuah lagi syarikat teknologi gergasi dari negara Republik Rakyat Cina, Tencent, juga akan melancarkan *e-wallet* mereka di

Malaysia pada minggu hadapan.

4. Adalah menjadi hasrat Kerajaan, supaya semua rakyat dapat berkecimpung dan mendapat manfaat hasil daripada perkembangan dan inovasi dalam industri ini, termasuk rakyat di negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, SC telah mengadakan inisiatif pendidikan pelabur dan pemilik perniagaan di Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap pengembangan *fintech* di Malaysia, termasuk sebagai salah satu saluran pengumpulan dana alternatif dan kelas aset pelaburan yang baharu. Inisiatif-inisiatif pendidikan pelabur SC di bawah program "*InvestSmart*", telah dilaksanakan setiap tahun sejak 2014 melalui program ceramah, *roadshow*, lawatan ke kampus universiti serta hebahan di saluran radio dan *YouTube*.

5. Selain itu, SC juga menggalakkan pengusaha *fintech* untuk meneroka potensi pasaran di Sabah dan Sarawak. Kini, terdapat pengusaha yang telah bekerjasama dengan komuniti peniaga dan syarikat "start-up" dalam kedua-dua negeri ini untuk mengambil peluang mengembangkan perniagaan mereka dengan mengadaptasi aplikasi *fintech*.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Cha Kee Chin
[Rasah]**

SOALAN : 21

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menggubal undang-undang atau akta yang akan menghalang wakil rakyat yang dipilih daripada meninggalkan parti asalnya tanpa mengosongkan kerusi yang telah dimenangi di bawah tiket parti asalnya.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan lisan berkaitan secara bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat berikut kerana menyentuh isu yang sama:

- i. pertanyaan oleh YB Kota Melaka pada 27 Mac 2019; dan
- ii. pertanyaan oleh YB Kota Kinabalu pada 2 April 2019.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Kerajaan berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 22

Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senario keadaan ancaman jenayah, kekerasan, harta benda, dan komersial bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 sama ada wujud peningkatan jenayah dalam kategori tersebut dan jika wujud apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian dan PDRM bagi mengurangkan perasaan kurang selamat dalam kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akur akan kebimbangan rakyat terhadap perlakuan jenayah yang berlaku dalam negara. Kerajaan akan terus melaksanakan program-program pencegahan jenayah sebagai usaha holistik dan berterusan dalam menangani jenayah. Dalam mengekang kegiatan jenayah, pihak PDRM telah melaksanakan beberapa strategi untuk mencegah jenayah di antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Selaras dengan arus pemodenan ini, pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan mencipta satu aplikasi bagi merencanakan aktiviti pencegahan jenayah melalui pendaftaran aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna;
- ii) Mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;
- iii) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Jenayah Bersepadu (Central Criminal Intelligence Unit- CCIU) dengan menggunakan pakai konsep "*Intelligence lead policing*" iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif; dan

SOALAN NO : 22

iv) Program AMANITA merupakan inisiatif untuk mendekati suri rumah, melalui program AMANITA golongan wanita akan di beri penerangan dalam memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin dan menjadikan suri rumah sebagai mata dan telinga kepada polis bagi melaporkan kejadian jenayah yang berlaku di persekitaran mereka.

Statistik jenayah bagi jenayah kekerasan adalah sebanyak 21,366 bagi tahun 2017 manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 16,902 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 4,464 kes dilaporkan. Statistik jenayah bagi jenayah harta benda pula bagi tahun 2017 adalah sebanyak 77,802 manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 71,760 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 6,042 kes dilaporkan. Statistik jenayah komersil mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 28,575, manakala bagi tahun 2018 sebanyak 24,262 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 4,313 kes dilaporkan.

Usaha untuk memerangani jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : **20 MAC 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan hubungan dua hala dalam menggiatkan sektor pelancongan di antara Malaysia dan India. Apakah usaha-usaha promosi pelancongan Malaysia yang dilakukan di India dan keberkesanannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan India mempunyai hubungan kerjasama dua hala yang akrab dalam sektor pelancongan. Hubungan sejarah, persamaan budaya, keunikan dan keindahan lanskap kedua-dua negara menjadikan Malaysia dan India masing-masing menjadi destinasi pelancongan pilihan bagi rakyat di kedua-dua negara. Menurut statistik dan hasil kajian daripada Tourism Malaysia, negara India merupakan negara ketujuh terbesar bilangan ketibaan pelancong yang melawat ke Malaysia. Seramai 600,311 orang pelancong India telah melancong ke Malaysia pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 8.6% dari tahun 2017 iaitu 552,739. Pelancong India telah berbelanja sebanyak RM2.8 bilion di Malaysia pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 21.9% dibandingkan pada tahun 2017.

Malaysia dan India telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan pada 27 Oktober 2010. Melalui MoU yang masih lagi berkuatkuasa sehingga 26 Oktober 2020, kedua-dua buah negara juga telah bersetuju untuk mempergiat kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan; latihan; bahan-bahan promosi dan publisiti; mesyuarat, konvensyen dan pameran pelancongan/ perdagangan; dan pelaburan dalam sektor pelancongan.

Selain itu, Kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dalam memudahkan kemasukan pelancong India ke Malaysia melalui penggunaan *Electronic Travel Registration and Information* (eNTRI) di mana kemudahan ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2019.

Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini melalui Tourism Malaysia dalam usaha mempromosi pelancongan Malaysia di India adalah seperti berikut:

1. Menyertai pameran dan ekspo pelancongan utama di India seperti *South Asia Travel and Tourism Expo* (SATTE) di New Delhi dan *India International Travel Tourism Exhibition* (IITT), Mumbai supaya maklumat pelancongan terkini sentiasa dapat disebarkan kepada kumpulan sasar;
2. Mengadakan *roadshow* bersama penggiat industri pelancongan Malaysia di beberapa buah daerah di India seperti Amritsar, Bhubaneshwar, Jaipur, Lucknow dan Mumbai;
3. Mengadakan *Business to Business* (B2B) workshop bersama Agensi pelancongan dari *2-tier city* di India seperti di bandar Ahmedabad, Pune, Bengaluru & Hyderabad;
4. Memperkenal dan memberi tumpuan khas kepada produk khusus seperti pakej perkahwinan dan bulan madu serta pelancongan mewah;
5. Mempromosi Malaysia sebagai destinasi membeli-belah yang terkemuka dengan mengadakan tiga musim jualan tahunan sepanjang tahun pada bulan Mac, Jun dan Disember;

6. Memperkenalkan dan memperluaskan tawaran pelancongan taman tema tarikan baru seperti *Desaru Coast* dan *Movie Animation Park Studios (MAPS)* selain taman tema yang memenangi pelbagai anugerah seperti *Legoland* dan *Sunway Lagoon*;
7. Pejabat-pejabat luar negeri TM di India menjalankan promosi secara kerjasama pintar bersama agensi pelancongan dari India dan syarikat penerbangan. Pada 2018, sebanyak 10 program kerjasama telah dijalankan oleh pejabat-pejabat di India;
8. Meningkatkan publisiti mengenai destinasi percutian Malaysia melalui promosi pengguna seperti promosi makanan dan kebudayaan dengan pihak hotel, restoran masakan Malaysia dan pusat membeli-belah utama di India;
9. Meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program Fam Trip dengan membawa wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers* ke destinasi-destinasi pelancongan negara; dan
10. Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran filem, dokumentari pelancongan dan rancangan realiti dari pasaran ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 20 MARCH 2019

SOALAN : 24

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan ingin menggabungkan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dengan Jabatan Marin Polis bagi mengurangkan kos pentadbiran serta meningkatkan aset penguatkuasaan terutama di Laut China Selatan dan Selat Melaka. Apakah benar pada masa yang sama, berlakunya pencerobohan nelayan asing di Laut China Selatan yang berada ditahap berleluasa dan aset Kerajaan Malaysia tidak mampu menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh yang terdekat ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) tiada lagi perancangan untuk menggabungkan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dengan Pasukan Gerakan Marin PDRM (PGM) walaupun pasukan APMM kini diletakkan sebagai agensi di bawah pentadbiran KDN. Kajian yang mendalam perlu dilakukan terlebih dahulu sekiranya ada rancangan untuk berbuat demikian di masa hadapan.

Berkaitan dakwaan berlakunya pencerobohan nelayan asing di Laut China Selatan yang berada ditahap berleluasa dan aset Kerajaan Malaysia tidak mampu menanganinya merupakan kenyataan yang tidak begitu tepat. Walaupun berlakunya pencerobohan dari nelayan asing adalah di peringkat yang minima dan pihak APMM dan Pasukan Gerakan Marin PDRM sentiasa membuat pemantuan dan rondaan secara agresif terhadap perairan negara bagi menjaga kepentingan nelayan tempatan dan kedaulatan sempadan perairan negara secara keseluruhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah program atau aktiviti yang dirangka RISDA dengan peruntukan sedia ada dalam usaha meningkatkan lagi kualiti hidup pekebun kecil dalam menjana pendapatan tambahan untuk mengurangkan kebergantungan kepada komoditi getah dan sawit semata-mata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk mengurangkan kebergantungan pekebun kecil kepada komoditi getah, RISDA telah melaksanakan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) yang melibatkan pekebun kecil atau ahli keluarga mereka. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk peralatan dan input pengeluaran. Selain itu, RISDA turut melaksanakan Program Pembangunan Usahawan. Ini termasuk bantuan latihan keusahawanan seperti pemasaran produk, pembangunan produk, persijilan dan jaringan pemasaran serta penyewaan premis perniagaan kepada usahawan pekebun kecil.
2. Sepanjang tempoh RMKe-11, termasuk pada tahun ini, program-program tersebut masih berjalan dengan peruntukan semasa berjumlah RM27 juta.
3. Sehingga 31 Disember 2018, RISDA telah berjaya melahirkan seramai lebih 16 ribu usahawan melalui program AET. Purata pendapatan isi rumah peserta AET adalah sekitar RM1,900 sebulan. Jumlah ini tidak termasuk pendapatan daripada hasil kebun getah. Ini menunjukkan bahawa RISDA telah berjaya mengurangkan kebergantungan pekebun kecil kepada komoditi getah melalui program AET.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
20 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai projek mega berimpak tinggi yang sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan Pakatan Harapan dalam memacu sektor ekonomi negara bagi tahun 2018 – 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Definisi samaada sesuatu projek itu diklasifikasikan sebagai projek berimpak tinggi adalah subjektif. Ianya bergantung pada konteks dan tumpuan sesuatu projek yang dilaksanakan. Sesuatu projek yang berimpak tinggi tidak semestinya bernilai tinggi. Ini kerana impak tidak bergantung pada kos projek semata-mata. Sebagai contoh, projek yang bernilai RM50 juta di kawasan luar bandar di kira sebagai projek yang berimpak tinggi oleh masyarakat setempat walaupun nilainya secara relatif tidak begitu besar.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat iaitu projek mesra rakyat dan berimpak tinggi. Ini termasuk seperti membina atau menaiktaraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat. Selain itu, projek-projek sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini akan diteruskan pelaksanaannya dalam usaha untuk memacu ekonomi negara.
3. Bagi tahun 2019, terdapat sebanyak 4820 projek dimana ianya melibatkan 735 projek baharu dan 4085 projek sambungan yang bernilai RM54.7 bilion.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
20 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 27

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan report polis yang dibuat pada Februari 2019 di Kuala Lumpur tentang hubungan akrab Ahli Parlimen Bachok, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz dengan Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat dan tindakan undang-undang susulannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Muar repot 3443/18 bertarikh 1 April 2018 dan Rumbia repot 104/19 bertarikh 14 Februari 2019 di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 25 Februari untuk arahan dan tindakan selanjutnya.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Pengkalan Chepa]**

SOALAN : 28

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan serta elaun yang diberikan kepada Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya. Apakah aktiviti yang telah dijalankan sehingga kini.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji pelaksanaan pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di masa-masa akan datang adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.

2. ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan sebuah laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi pilihan raya. Cadangan ini akan mengandungi rekomendasi tentang sistem, cadangan proses dan cadangan pindaan undang-undang pilihan raya.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah senarai program yang dirancang untuk tahun 2019 oleh ERC:

- a. **Sesi libat urus di seluruh negara** bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan rakyat.

Program ini dilaksanakan mengikut pembahagian zon dan melibatkan kelompok NGO, para akademia, pelajar universiti dan juga mengalakkan penyertaan daripada orang awam.

Setakat ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan iaitu :

- I. 12 Februari 2019 di Ibu Pejabat ERC di Putrajaya
- II. 21 Februari 2019 di Dewan Serbaguna Menara Usahawan, Putrajaya,
- III. 6 Mac 2019 di Universiti Utara Malaysia, Kedah

- IV. 12 Mac di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- V. Beberapa lagi sesi libat urus yang telah dirancang akan dilaksanakan mengikut zon seperti di Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak.

b) ERC turut bercadang mengadakan **sesi pertemuan secara khusus dengan kumpulan sasaran** seperti parti-parti politik, golongan orang kurang upaya dan sebagainya.

c) ERC bercadang untuk **menyediakan Laporan Awal (*interim report*)** yang dijadualkan untuk diserahkan kepada Kerajaan pada Disember 2019.

d) ERC turut mengadakan **perbincangan-perbincangan dengan pelbagai pihak bagi menyelaraskan isu dasar dan teknikal berkaitan pilihan raya.**

e) ERC turut menjalankan **kajian perbandingan pelaksanaan pilihan raya dengan negara-negara** lain seperti United Kingdom, Australia, Kanada, Jerman, Indonesia dan sebagainya.

f) ERC turut bertindak mendapatkan bantuan daripada beberapa badan antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* (UNDP), *International Institute for Democracy and Electoral Assistance* (International IDEA) dan *International Foundation for Electoral Systems* (IFES) yang merupakan pakar dalam sistem dan penjalanan pilihan raya di peringkat antarabangsa. Selain **bantuan khidmat nasihat, badan-badan ini turut menghulurkan bantuan dalam bentuk pembiayaan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh ERC.**

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat dua (2) jenis keanggotaan dalam ERC iaitu Ahli Tetap dan Ahli Bersidang. Ahli Tetap merupakan mereka yang dilantik bagi tujuan membuat kajian secara sepenuh masa, manakala Ahli Bersidang merupakan pakar-pakar atau mereka yang berpengalaman dalam pengurusan pilihan raya yang dilantik untuk hadir memberikan pandangan dalam mesyuarat dan aktiviti

yang dilaksanakan oleh ERC. Bagi Ahli Tetap, mereka diberikan elaun dan kemudahan setara Gred 54. Manakala bagi Ahli Bersidang yang bukan penjawat awam, mereka diberikan elaun kehadiran sebanyak RM150 setiap kali hadir mesyuarat dan kemudahan setara sebagaimana termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 7.3/2013. Bagi Ahli Bersidang dalam kalangan penjawat awam, tiada sebarang elaun diberikan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ERC tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk menjalankan gerak kerja yang dirancang. Segala keperluan ERC untuk menjalankan program ditanggung oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2019 [RABU]

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]

SOALAN :

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar, jika ada, yang ditetapkan oleh **JAWHAR** dalam hal **penyaluran peruntukan kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri bagi tujuan membangunkan tanah-tanah wakaf**. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada **MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang)** setakat ini dan apakah kategori projek pembangunan yang dibenarkan.

JAWAPAN: (YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menyalurkan peruntukan pembangunan dalam *Rolling Plan* (RP) tahunan seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) serta Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) bagi membangunkan pelbagai projek hartanah wakaf dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Oleh yang demikian, JAWHAR senantiasa menyokong projek pembangunan yang akan dibangunkan oleh MAIN dalam lima (5) kategori projek iaitu sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan perumahan.

Jumlah peruntukan untuk tujuan pembangunan hartanah wakaf di Pulau Pinang (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang [MAINPP]) sehingga tahun 2019 berjumlah 122.20 juta.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga, sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan dan menerusi pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dengan negeri dalam Perlembagaan Persekutuan, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua tanah wakaf di negeri masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memastikan hartanah wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap ratifikasi kesemua enam konvensyen antarabangsa di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian mengenai penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia masih giat dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal yang diterajui oleh Kementerian atau Agensi terlibat.

3. Kerajaan komited untuk meratifikasikan instrumen hak asasi manusia yang masih belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meratifikasikan konvensyen-konvensyen ini, malah akan memastikan perbincangan berterusan secara berkala diadakan dengan semua pemegang taruh, termasuk masyarakat madani.

4. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan undang-undang domestik sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- a) apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf fasiliti dan mengembangkan kapasiti hospital di Sibu yang kini tidak mampu menampung jumlah pesakit yang kian meningkat; dan
- b) bilakah Kementerian dapat menempatkan doktor pakar kanser dan doktor pakar lain di Hospital Sibu memandangkan keperluan doktor pakar semakin meningkat di Sibu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

KKM sememangnya prihatin akan keperluan menaiktaraf fasiliti Hospital Sibu. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2013, Kerajaan telah pun menaiktaraf Hospital Sibu melalui pelaksanaan projek menaiktaraf Jabatan Farmasi dan membina Bangunan Wad Penyakit Berjangkit serta Menaik Taraf Jabatan Patologi. Projek telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2016. Melalui RMKe-10, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) telah meluluskan Projek Menaiktaraf Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan anggaran kos RM5 juta. Projek ini berada di dalam Fasa Rekabentuk dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS). Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mei 2019. KKM akan terus memantau perkhidmatan yang disediakan di hospital ini dan akan melaksanakan projek menaiktaraf secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia (RMK) akan datang.

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Hospital Sibu merupakan sebuah Hospital Pakar Major. Buat masa ini, keperluan perkhidmatan perubatan penduduk setempat masih dapat ditampung oleh hospital ini yang mempunyai 662 katil di mana kadar Penggunaan Katil (*Bed Occupancy Rate*) adalah kurang daripada 80%.

Sehingga 31 Januari 2019, Kementerian telah menempatkan seramai 47 orang Pegawai Perubatan Pakar pelbagai gred di Hospital Sibu yang terdiri daripada pakar mengikut pecahan bidang seperti berikut:

- i. Kecemasan seramai 3 pegawai;
- ii. Perubatan Am seramai 10 pegawai;
- iii. Pembedahan Am seramai 4 pegawai;
- iv. O&G seramai 3 pegawai;
- v. Pediatrik seramai 5 pegawai;
- vi. Ortopedik seramai 5 pegawai;
- vii. Anestesiologi seramai 4 pegawai;
- viii. ORL seramai 1 pegawai;
- ix. Oftalmologi seramai 2 pegawai;
- x. Urologi seramai 1 pegawai;
- xi. Bedah Neuro seramai 1 pegawai;
- xii. Radiologi seramai 4 pegawai;
- xiii. Patologi seramai 1 pegawai; dan
- xiv. Psikiatri seramai 2 pegawai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Sibu menunjukkan peningkatan kadar pengisian berbanding seramai 25 orang pada Januari 2016 dan kini seramai 31 orang pada Januari 2017. Selain itu, perkhidmatan Onkologi di KKM adalah dilaksanakan secara *regional*. Sehingga 31 Januari 2019, terdapat seramai 30 orang Pakar Perubatan Onkologi pelbagai gred ditempatkan di 6 pusat *regional* di mana 4 orang daripadanya adalah di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN**

KAWASAN : PASIR SALAK

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 32

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan hubungan kaum dan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan rakyat yang bersatu padu.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Hubungan etnik di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan etnik masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.

Kita tidak dapat menafikan bahawa risiko etnik atau sifat perkauman semakin meningkat dalam kempen-kempen pilihan raya oleh parti-parti politik untuk mempertahankan kepentingan mereka sendiri sehingga mampu memusnahkan perpaduan.

Masalah integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan negara yang pernah dijajah. Dasar “pecah dan perintah” yang menjadi polisi British di Tanah Melayu menyebabkan masyarakat berbilang kaum hidup dalam keterasingan. Kesan pelaksanaan dasar ini mempropagandakan idea bangsa sebagai suatu yang semula jadi dan asas kepada perbezaan kemanusiaan.

Hasil kajian beberapa penyelidik daripada universiti-universiti tempatan, merumuskan bahawa hubungan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia kini mengalami anjakan baharu. Sebelum merdeka, kewujudan pengkhususan ekonomi dan segmentasi tempat tinggal dalam kalangan kumpulan-kumpulan etnik bukan saja mengurangkan peluang-peluang interaksi dan komunikasi antara etnik tetapi telah menimbulkan prasangka etnik, stereotaip dan etnosentrisme dalam kalangan anggota-anggota kumpulan etnik. Pengasingan tempat tinggal mengikut garis kumpulan etnik ini membolehkan anggota tiap-tiap kumpulan memelihara *in-group privacy* daripada kumpulan lain.

Keadaan yang sama dapat dilihat selepas merdeka. Sebahagian besar masyarakat Malaysia masih mempunyai wawasan yang berbelah-bahagi (*fragmented vision*) berasaskan kepada perjuangan kaum dan

etnik sempit yang boleh menggugat perpaduan dan kesejahteraan hubungan antara kaum.

Senario prejudis antara etnik berlaku apabila sesebuah kumpulan etnik memandang negatif terhadap kumpulan etnik lain. Prejudis yang kuat terhadap kumpulan etnik lain sukar diubah walaupun fakta yang kukuh diberikan bagi membuktikan bahawa pemahaman tersebut adalah tidak benar.

Namun begitu, pasca pilihan raya umum ke-14 (PRU14) membuktikan bahawa blok politik perkauman ini semakin menipis ekoran wujudnya parti politik yang merentasi kepercayaan agama dan sempadan kaum. Banyak parti politik memperjuangkan hak dan membela tiap kaum yang ada di Malaysia. Kesannya, isu-isu sensitif yang timbul kini tidak lagi sekadar menfokuskan terhadap isu agama dan perkauman sepenuhnya, sebaliknya merentasi isu ekonomi dan sosial.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- c) Mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
- i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyasiat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- e) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- f) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- g) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- h) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- i) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- j) Menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- k) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 33

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan proses semakan kepada pusat jagaan kanak-kanak dan TASKA bagi mencegah kes penderaan seksual kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] serta Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) [*Akta 308*] serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Setiap pengendali Pusat Jagaan dan pengusaha TASKA hendaklah mematuhi keperluan dan kehendak yang dinyatakan dalam akta dan peraturan yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan Pusat Jagaan / TASKA diurus dengan sempurna, Kementerian melalui JKM juga menjalankan pemantauan ke atas Pusat Jagaan/TASKA.

Antara bentuk pemantauan yang dijalankan adalah:

1. Menjalankan aktiviti pengesanan ke atas Pusat Jagaan/TASKA yang tidak berdaftar dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM;
2. Menjalankan pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke premis Pusat Jagaan/TASKA berdaftar oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK); dan
3. Mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Pusat Jagaan 1994 [*Akta 506*] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak [*Akta 308*] seperti Arahan Bertulis, Penutupan Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah.

Dari Januari hingga Disember 2018, JKM telah menjalankan sebanyak **1869** pemeriksaan berkala dan mengejut ke atas Pusat Jagaan. Manakala, sebanyak **1681** pemeriksaan berkala telah dijalankan oleh Pegawai Diberi Kuasa TASKA.

Sebanyak **261** tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap Pusat Jagaan di bawah Akta 506 dari tahun 2015 sehingga Disember 2018. Bagi tempoh yang sama juga, sebanyak **525** tindakan penguatkuasaan telah

SOALAN NO. 33

diambil terhadap TASKA di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JKM bagi Pusat Jagaan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar adalah mengeluarkan Arahan Bertulis kepada 90 buah Pusat Jagaan, tindakan Lak kepada 12 buah Pusat Jagaan, 36 buah Pusat Jagaan dikenakan tindakan Kompaun, 7 buah Pusat Jagaan di Tutup Sementara, 96 buah Pusat Jagaan dibatalkan pendaftaran, dan 20 buah Pusat Jagaan telah didakwa.

Manakala, bagi TASKA sama ada berdaftar atau tidak berdaftar, antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JKM adalah mengeluarkan Arahan Bertulis kepada 144 buah TASKA, tindakan Lak kepada 26 buah TASKA, 58 buah TASKA dikenakan tindakan Kompaun, 10 buah TASKA di Tutup Sementara, 256 buah TASKA dibatalkan pendaftaran, dan 31 buah TASKA telah didakwa.

Bagi mencegah kes penderaan seksual kanak-kanak di pusat jagaan kanak-kanak dan TASKA Kementerian melalui JKM menjalankan proses semakan dengan melaksanakan pemantauan ke atas TASKA. Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah :

- i. Menjalankan aktiviti pengesanan TASKA tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM;
- ii. Menjalankan pemeriksaan berkala dan menjejut ke TASKA oleh Pegawai Diberikuasa;
- iii. Mengambil tindakan penguatkuasaan dalam peruntukan Akta TASKA 1984. Bagi TASKA tidak berdaftar tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah Lak, Kompaun dan Pendakwaan. Manakala bagi TASKA yang berdaftar tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan Pendakwaan di Mahkamah;

SOALAN NO. 33

- iv. Pelaksanaan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di TASKA yang berdaftar dengan JKM melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 1 Tahun 2015; dan
- v. Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan bayi dilaporkan pada bila-bila masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI, GPS – PBB]**

TARIKH : **20 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar kerajaan sedia ada berkenaan tentang pembangunan kemudahan sukan di kawasan luar bandar dan pedalaman terutama di Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Dasar Sukan Negara 2009 merupakan sebuah dasar yang digubal bagi mewujudkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Budaya sukan ini merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan dan kegiatan fizikal melalui Sukan Untuk Semua, Sukan Prestasi Tinggi dan sukan sebagai industri. Menerusi penggubalan dasar ini, terdapat satu objektif yang menyentuh berkaitan pembangunan kemudahan sukan. Objektif yang dimaksudkan adalah **Objektif 5: Menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat.**
2. Kementerian Belia dan Sukan bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab merancang dan membina kemudahan sukan peringkat negeri dan daerah dan memastikan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar termasuklah di negeri Sarawak.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, setakat ini terdapat dua ratus lima puluh dua (252) kemudahan sukan di negeri Sarawak yang terdiri daripada 242 buah gelanggang futsal, sebuah Kompleks Sukan Komuniti di Mukah, 2 buah padang sintetik, sebuah Pusat Kecemerlangan Akuatik di Kuching, 5 buah Gimnasium Rakyat dan Sarawak Squash Centre. Selain itu, terdapat 92 buah kemudahan pelbagai sukan di bawah seliaan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 35

Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan dengan status terkini pelaksanaan projek menaik taraf SK Abang Leman, Kabong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Sekolah Kebangsaan Abang Leman, Kabong telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Skop bagi projek ini merangkumi 30 bilik darjah, 12 unit rumah guru, asrama 600 murid dan lain-lain kemudahan. Projek pembinaan sekolah tersebut adalah projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini sedang dilaksanakan dan berada pada status prabina. Kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik perolehan dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih

RJM 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hasil pelaksanaan Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dalam memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah yang selesa untuk diduduki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 yang telah dilancarkan pada 28 Januari 2019, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merangka 57 pelan tindakan bagi menambah baik aksesibiliti dan kemampuan memiliki rumah serta memastikan perumahan yang berkualiti untuk rakyat.
2. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan kerjasama Agensi Perumahan dan Kerajaan Negeri telah merangka Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang merupakan sub dasar kepada Dasar Perumahan Negara (DRN) bagi menggariskan standard, spesifikasi utama serta panduan

pembangunan rumah mampu milik yang berkualiti, mampu dimiliki dan selamat didiami. Melalui DRMM, Kementerian menyarankan pemajuan perumahan mampu milik dibina dengan keluasan minimum 900kps lengkap dengan kemudahan awam seperti tadika, surau, taman permainan dan pengurusan sistem pepejal yang lebih sistematik.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Pelan Tindakan DRN 2018-2025, Piawaian Perumahan Berkualiti (PBB) telah diwujudkan untuk memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah yang selesa untuk diduduki. Piawaian ini bertujuan untuk memastikan setiap projek perumahan yang dibangunkan memenuhi syarat-syarat minimum perumahan yang berdaya huni, selesa dan selamat.
4. Selain itu, penggunaan teknologi pembinaan moden dan kaedah pembinaan terkini seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM) akan diperluaskan bagi meningkatkan lagi produktiviti industri pembinaan perumahan.
5. Kualiti pembinaan hendaklah menepati ciri-ciri kediaman yang baik dan kurang memberi implikasi terhadap operasi penyelenggaraan. Untuk memastikan kos operasi berada ditahap minima, pembinaan dan penilaian Rumah Mampu Milik (RMM) mestilah memenuhi standard piawaian yang ditetapkan iaitu penarafan Penilaian *Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**
TARIKH : **20 MAC 2019**

SOALAN

YB. Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewartakan Tapak Pertempuran Kampar (*Battle of Kampar*) seluas 6.474 hektar di Green Ridge, Kampar sebagai tapak warisan Taman Peringatan Perang (War Memorial Park) demi menjaga dan melindungi tapak warisan yang masih mempunyai artifak perang dan penuh bersejarah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) bercadang untuk mewartakan Tapak Pertempuran Kampar (*Battle of Kampar*) sebagai tapak warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk melindungi dan mengekalkan tapak bersejarah tersebut. Untuk tujuan ini, JWN memohon kerjasama Pihak Berkuasa Negeri Perak supaya memberi keizinan termasuk menyelesaikan isu tanah, sebelum proses pewartaan dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 38

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan pencapaian dan kejayaan pelantikan duta khas ke China serta bila akan memansuhkan keperluan visa melawat China.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melantik YB Tan Kok Wai sebagai Duta Khas kerajaan Malaysia ke China bagi tempoh dua tahun daripada 25 Julai 2018 sehingga 24 Julai 2020. Antara tanggungjawab dan peranan Duta Khas kerajaan ke China adalah seperti berikut:

- (i) Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan kongsi utama dan strategik kepada China melalui peningkatan kerjasama perdagangan dan pelaburan dua hala;
- (ii) Memberikan tumpuan khusus kepada isu berkaitan pelaksanaan projek pembangunan secara bersama antara Malaysia dan China;
- (iii) Memberikan khidmat nasihat dan cadangan kepada pihak Kerajaan berkenaan kaedah-kaedah yang praktikal untuk meningkatkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) dari China;
- (iv) Menganjurkan program secara bersama dengan Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan untuk promosi perdagangan dan pelaburan di China; dan
- (v) Bekerjasama dengan pihak sektor swasta di Malaysia dan China mengenai hal-hal berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara.

Dalam tempoh 6 bulan sejak pelantikan beliau, YB Duta Khas telah mengadakan beberapa kunjungan hormat dan pertemuan bersama pemimpin serta pegawai kanan kerajaan China bagi mempromosi perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Secara ringkasnya, YB Duta Khas telah:

- (i) Mengadakan empat (4) kunjungan hormat masing-masing ke atas Gabenor bagi Wilayah Guangxi dan Guangdong, Ketua Dewan Negeri Wilayah Hubei dan Pengerusi *China Council for the Promotion of International Trade (CCPIT)*;

- (ii) Menerima sejumlah lapan (8) kunjungan hormat daripada pegawai kanan dan organisasi perdagangan China;
- (iii) Menerima enam (6) kunjungan hormat daripada organisasi perdagangan tempatan di Malaysia dalam merangka strategi usaha promosi perdagangan di antara Malaysia dan China.

Dalam rangka promosi kepada bakal usahawan yang berpotensi dari China, YB Duta Khas telah menyampaikan ucap tama dalam enam (6) buah forum perniagaan utama di Malaysia dan China yang menyentuh berkenaan ciri-ciri menarik Malaysia sebagai destinasi utama untuk FDI.

Dalam usaha untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas berkenaan dasar perdagangan negara kepada bakal pelabur dari China, YB Duta Khas turut melancarkan buku Panduan Undang-Undang Komersial dan Percukaian Malaysia pada 30 Ogos 2018. Buku tersebut diterbitkan oleh Majlis Perniagaan Malaysia – China (MCBC) di mana YB Duta Khas merupakan Pengerusi kepada MCBC.

YB Duta Khas turut mengemukakan enam (6) cadangan baru kepada pihak Kerajaan Malaysia untuk dimasukkan ke dalam Cadangan Program Lima Tahun untuk Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan antara Malaysia dan China.

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih menarik dan mesra pelabur, YB Duta Khas juga telah melancarkan Pusat Perkhidmatan Sistem Undang-Undang Malaysia bersama-sama pihak *Construction Bank of China* dan firma guaman HHQ untuk menawarkan perkhidmatan percuma kepada bakal pelabur dari China.

YB Duta Khas turut mengetuai delegasi pelabur dan usahawan Malaysia dalam lawatan ke Taman Perindustrian China Malaysia di Qinzhou (CMQIP) yang merupakan bandar berkembar kepada Taman Perindustrian Malaysia China di Kuantan (MCKIP). YB Duta Khas bersama Gabenor Wilayah Guangzhi telah bersetuju untuk mempromosi CMQIP dan MCKIP dalam usaha untuk menarik pelabur serta usahawan kedua-dua negara untuk membuat pelaburan di taman perindustrian tersebut.

YB Duta Khas sebagai Pengerusi MCBC bersama-sama tiga bank tempatan China (*Bank of China*, ICBC dan *Construction Bank of China*) telah menganjurkan majlis makan tengahari sempena Tahun Baru Cina dan ulang tahun ke-45 hubungan diplomatik Malaysia – China pada 18 Februari 2019 di Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah berjaya menghimpunkan sejumlah 640 pelabur serta usahawan dari kedua-dua negara (250 pelabur adalah pelabur

dan usahawan China). Ini membuktikan jalinan serta hubungan kukuh antara pelabur-pelabur dari Malaysia dan China dilihat mampu untuk meningkatkan potensi serta perkembangan pelaburan dan perdagangan kedua-dua negara.

Dalam sektor ekonomi, bagi tahun 2018, China kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang terbesar selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Malaysia juga kekal sebagai rakan dagangan kedua terbesar buat China di kalangan negara-negara ASEAN.

Pada tahun 2018, jumlah dagangan dua hala di antara Malaysia dan China telah mencecah RM313.81 billion, yang merupakan kenaikan sebanyak 8.1% berbanding tahun 2017. Pada tahun tersebut juga, nilai eksport di antara kedua-dua negara telah meningkat sebanyak 10.3% kepada RM138.88 billion manakala nilai import turut meningkat sebanyak 6.4% kepada RM174.93 billion berbanding tahun 2017.

Semua perkembangan ini jelas membuktikan bahawa YB Duta Khas telah memainkan peranan penting dalam membantu memajukan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan China.

Selain itu, bagi perkara berkaitan memansuhkan keperluan visa melawat China, untuk makluman, penetapan fi visa oleh sesebuah negara adalah secara unilateral dan hal ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Malaysia. Merujuk kepada pertanyaan tersebut, penetapan keperluan visa ke China adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan negara China.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 39

Y.B. DATO' MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah kutipan SST telah berjaya menurunkan harga barang keperluan rakyat dan nyatakan jumlah syarikat yang berdaftar dengan SST serta jumlah kutipan yang telah berjaya dikutip semenjak dilancarkan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST yang baharu adalah lebih kecil berbanding di bawah sistem GST di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti barang makanan asas tidak dikenakan cukai jualan manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja. Antara barang yang dikecualikan dari cukai jualan termasuklah makanan asasi seperti beras, gula, ikan segar, ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kerajaan juga telah menetapkan sebahagian besar barangan kegunaan industri seperti besi, kayu dan bahan kimia dikecualikan dari dikenakan cukai jualan.

Sejak SST dilaksanakan pada 1 September 2018, Kementerian Kewangan dengan kerjasama JKDM telah meneliti segala maklum balas dan rayuan daripada pihak industri dan perniagaan serta rakyat awam dan membuat keputusan untuk mengecualikan beberapa barangan daripada dikenakan cukai SST serta menyemak semula kadar cukai jualan ke atas barangan tertentu. Ini bermakna, skop pengenaan cukai jualan adalah jauh lebih kecil berbanding GST dan pendekatan mengecilkan skop ini telah dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Jangkaan kutipan hasil SST adalah sekadar RM21 bilion setahun berbanding dengan hasil GST sebanyak RM44 bilion yang dijangka dikutip pada tahun 2018. Beban cukai SST ke atas pengguna adalah jauh lebih rendah kerana RM23 bilion telah dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk cukai yang lebih kecil. Kekurangan bayaran cukai ini tentu bermakna bahawa rakyat akan mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan berbanding dengan dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inflasi tahun 2018 yang berpurata 1.0% tahun-ke-tahun merupakan kadar terendah yang dicatatkan dalam tempoh 9 tahun. Dalam 4 bulan yang pertama di bawah pentadbiran yang terdahulu, purata kadar inflasi ialah 1.7% tahun-ke-tahun. Ini berbeza dengan 8 bulan

NO SOALAN : 39

pertama pentadbiran Pakatan Harapan, apabila ia menurun secara signifikan kepada 0.6% tahun-ke-tahun. Kadar inflasi juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.7% bagi bulan Januari 2019 berbanding dengan bulan yang sama tahun lepas. Ini menampilkan kesan positif pemansuhan GST dan pengenalan semula SST pada harga pengguna.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas SST melibatkan kutipan data harga 900 barangan keperluan pengguna terpilih bermula bulan September 2018. Analisa perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Disember 2018 bagi melihat kesan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan terhadap kedudukan harga barangan di pasaran. Berdasarkan analisa tersebut, secara purata, 63.20% daripada 900 barangan telah mencatatkan penurunan harga.

Bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, Kerajaan melalui KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran di samping menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan melaksanakan langkah penguatkuasaan pencatutan ke atas perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat yang berdaftar bagi tempoh dari 1 September 2018 sehingga 14 Mac 2019 adalah sebanyak **74,056** perniagaan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **24,565** adalah berdaftar di bawah cukai jualan manakala sebanyak **49,491** adalah berdaftar di bawah cukai perkhidmatan. Jumlah kutipan cukai SST untuk tahun 2018 adalah sebanyak **RM5.4 bilion** sejak tarikh pelaksanaannya pada 1 September 2018, yang melebihi sasaran RM4 bilion yang ditetapkan sebelum ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 40

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan negara dan bilangan asal pelancong-pelancong asing termasuk mereka yang mempunyai visa sah yang telah ditolak kemasukan ke dalam Malaysia di berbagai pusat pemeriksaan imigresen dan nyatakan sebab-sebab penolakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Visa merupakan endosmen pada pasport atau mana-mana dokumen perjalanan asing yang diiktiraf yang menunjukkan bahawa pemegang telah mendapat kebenaran untuk masuk ke Malaysia. Walau bagaimanapun, visa yang dikeluarkan bukanlah merupakan satu jaminan yang mutlak bahawa individu tersebut akan dibenarkan masuk ke negara ini. Keputusan akhir adalah terletak kepada budi bicara Pegawai Imigresen yang bertugas di pintu masuk.

Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan sejumlah 85,946 orang warganegara asing yang ditolak kemasukannya ke Malaysia sepanjang tahun 2018 manakala bagi tahun 2019 iaitu sehingga 28 Februari 2019, sejumlah 10,566 warganegara asing yang ditolak kemasukannya telah direkodkan.

SOALAN NO : 40

Pecahan statistik warganegara asing yang ditolak kemasukannya mengikut warganegara bagi tahun 2019 adalah seperti di Jadual 1 yang berikut:

BIL	WARGANEGARA	JAN	FEB	JUMLAH
1	INDONESIA	3316	2123	5,439
2	INDIA	842	652	1,494
3	CHINA	307	396	703
4	BANGLADESH	451	231	682
5	MYANMAR	349	232	581
6	VIETNAM	119	158	277
7	PAKISTAN	238	322	560
8	THAILAND	67	65	132
9	SINGAPURA	81	56	137
10	YEMEN	26	16	42
11	FILIPINA	38	17	55
12	KEMBOJA	26	56	82
13	NIGERIA	21	11	32
14	SRI LANKA	20	19	39
15	NEPAL	10	4	14
16	GHANA	2	-	2
17	EGYPT	3	3	6
18	REP OF KOREA	8	8	16
19	SYRIA	5	10	15
20	LAIN-LAIN	158	100	258
JUMLAH KESELURUHAN		6,087	4,479	10,566

Jadual 1 : Jumlah Warganegara Yang Ditolak Kemasukan Mengikut Warganegara Bagi Tahun 2019

SOALAN NO : 40

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, sebab-sebab penolakan kemasukan ke Malaysia adalah seperti berikut :

- i) passport atau dokumen perjalanan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- ii) dokumen perjalanan yang telah tamat tempoh sah laku atau kurang daripada 6 bulan;
- iii) dokumen perjalanan yang disyaki tidak tulen atau palsu atau meragukan dan dokumen perjalanan yang didapati dalam keadaan fizikal yang telah rosak;
- iv) warganegara asing yang memerlukan visa namun gagal memohon visa untuk masuk dan berada di Malaysia;
- v) gagal membuktikan keperluan dan tujuan untuk berada di Malaysia serta tiada bukti tiket pulang ke negara asal;
- vi) pemegang passport sebuah negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia dan tiada kelulusan khas dari KDN untuk memasuki Malaysia;
- vii) mana-mana orang yang tergolong sebagai golongan pelawat asing yang dilarang dari memasuki Malaysia oleh sesuatu pihak berkuasa Kerajaan atau oleh sebab-sebab tertentu seperti ditetapkan oleh Ketua Pengarah melalui pemberitahuan semasa; dan
- viii) mana-mana warganegara asing yang disyaki tertakluk di bawah Seksyen 8(3), Akta Imigresen 1959/63 yang menjelaskan mengenai imigran-imigran larangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 41

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa syarikat koperasi berdaftar yang ada atau tidak membayar cukai pendapatan dan apakah koperasi yang boleh dikecualikan pembayaran cukai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pembayar cukai koperasi yang aktif adalah sebanyak 867 buah dan hanya 673 koperasi telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2017. Daripada jumlah koperasi yang mengemukakan BNCP tersebut, hanya 178 koperasi yang dikenakan cukai.

Sesebuah koperasi adalah dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan berdasarkan Jadual 6 Akta Cukai pendapatan (ACP) 1967 seperti berikut:-

- di bawah subperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP 1967, koperasi yang baru didaftarkan adalah dikecualikan daripada cukai atas mana-mana pendapatan bagi tempoh 5 tahun pertama bermula dari tarikh pendaftarannya; dan
- di bawah subperenggan 12(1)(b) Jadual 6 ACP 1967, selepas tamat tempoh pengecualian tersebut di atas, koperasi masih boleh menikmati pengecualian cukai sekiranya jumlah kumpulan wang ahli pada hari pertama bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah kurang daripada RM750,000.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 42

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian ke atas pemegang ijazah palsu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Malaysian Qualification Agency (MQA) selaku badan jaminan kualiti tunggal pendidikan tinggi Malaysia memandang serius isu ini dan akan memberi kerjasama kepada Kementerian dalam usaha menangani kegiatan ini.

Justeru, MQA sentiasa menasihati orang awam terutamanya ibu bapa, pelajar, majikan, pihak berkuasa melantik untuk merujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi mendapatkan maklumat tepat berkaitan dengan kelayakan akademik daripada program-program pengajian yang telah dinilai dan diberi akreditasi.

MQA turut memberi penerangan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui sesi dialog bersama-sama Pemberi Pendidikan Tinggi yang diadakan secara berkala mengikut zon. Setiap majikan PPT dinasihatkan untuk memastikan semakan dibuat terhadap kesahihan sesuatu kelayakan pelajar yang memohon untuk menyambung pengajian dan kesahihan maklumat calon staf akademik sebelum dilantik.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 20.03.2019 (RABU)

SOALAN : 43

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membanteras rasuah dalam pentadbiran Kerajaan dan negara sejajar dengan Pelan Antirasuah Nasional yang dilancarkan pada awal tahun ini.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Port Dickson, SPRM secara khususnya melaksanakan fungsi-fungsinya sebagaimana yang telah ditetapkan dibawah Seksyen 7 ASPRM 2009 untuk membanteras rasuah di negara ini. Fungsi serampang tiga mata tersebut adalah:

1. Melaksanakan pengesanan penyiasatan dan seterusnya melakukan pendakwaan ke atas mereka yang terbabit dengan rasuah;
2. Memberikan khidmat rundingan bagi menutup ruang dan peluang rasuah untuk berlaku; dan
3. Mendidik serta mendapatkan sokongan masyarakat dalam usaha membanteras rasuah.

Dalam konteks Pelan Antirasuah Nasional, terdapat 32 inisiatif yang secara langsung melibatkan SPRM. Inisiatif-inisiatif tersebut akan dilaksanakan dan dipantau oleh jawantankuasa khusus di SPRM bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 20 MAC 2019 [RABU]

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kerajaan mempertimbangkan untuk membina Balai Bomba dan Penyelamat untuk Pulau Banggi. Pulau Banggi merupakan pulau yang terbesar di Malaysia namun sehingga kini belum mempunyai Balai Bomba dan Penyelamat sendiri walaupun permohonan telah dibuat sebelumnya. Tanpa kemudahan ini, ia amat menyukarkan penduduk terutamanya ketika berlakunya kebakaran yang besar sepertimana yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merancang pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat mengikut keperluan risiko kebakaran secara strategik. Berdasarkan kajian perlindungan kebombaian (*fire cover*) yang dibuat oleh JBPM, Negeri Sabah memerlukan tambahan Balai Bomba baharu di beberapa kawasan dan memantapkan pengurusan Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Walau bagaimanapun, KPKT menyusun keutamaan pembinaan berpandukan tahap risiko kebakaran di kawasan-kawasan yang belum mempunyai Balai Bomba dan siling peruntukan kewangan tahunan yang diluluskan.
2. Bagi memastikan perlindungan kebombaian di Pulau Banggi, JBPM telah meluluskan pos penempatan PBS di pulau tersebut. PBS Pulau Banggi akan dibangunkan semula memandangkan pasukan sebelum ini telah dimansuhkan pada tahun 2016 kerana tidak aktif. Di samping itu, KPKT merancang untuk memperkukuh Pasukan Bomba Komuniti dan akan menganjurkan kempen keselamatan 1RAPI (1 Rumah 1 Alat Pemadam Api) di Pulau Banggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 45

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan beberapa kes permohonan kewarganegaraan di bawah Article 15(1), 15(2), 15A dan 19(1) yang diterima dan masih tiada keputusan selepas 12 bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2018, sejumlah 39,943 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1), Perkara 15(2), Perkara 15A, dan Perkara 19 telah diterima. Perincian permohonan kewarganegaraan mengikut kategori permohonan adalah seperti berikut:-

- i. Perkara 15(1), Perlembagaan Persekutuan: 3,368 permohonan;
- ii. Perkara 15(2), Perlembagaan Persekutuan: 4,112 permohonan;
- iii. Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan: 22,556 permohonan; dan
- iv. Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan: 9,907 permohonan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN B. YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 46

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini warga asing yang
berada di dalam tahanan penjara di Malaysia dan berapakah jumlah yang
telah di ekstradisi ke negara masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik
Jabatan Penjara pada 5 Mac 2019, terdapat seramai 15,223 orang
banduan warga asing daripada jumlah keseluruhan penghuni penjara
iaitu seramai 68,788 orang banduan yang menjalani hukuman penjara di
seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, tiada banduan warga negara asing yang
ditahan di bawah Akta Ekstradiksi serta telah di ekstradisi. Banduan
warga negara asing yang telah selesai menjalani hukuman di penjara,
akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk proses penghantaran
balik ke negara asal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
(SANDAKAN)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan warganegara yang sedang bermastautin di negara asing dan menjelaskan keadaan "*brain drain*" negara kita.

PN-1412- L03459

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Pada tahun 2015 Kerajaan Singapura melaporkan bahawa seramai 1,167,600 pekerja asing pelbagai kategori kemahiran digajikan oleh majikan di Singapura dan dianggarkan seramai 268,548 (23%) merupakan pekerja warganegara Malaysia.

2. Manakala kajian oleh *Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)* ke atas rekod keluar masuk Jabatan Imigresen Malaysia, bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 mendapati purata 73,561 warganegara Malaysia berulang alik bekerja di Singapura setiap hari

3. ILMIA telah menjalankan Kajian Rakyat Malaysia Yang Bekerja Di Singapura pada tahun 2018 dan dianggarkan lebih kurang 500,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Di antara hasil kajian mendapati;

- i. Majority rakyat Malaysia yang berulang alik bekerja di Singapura 61.7% adalah lelaki dan 38.3% perempuan;
- ii. 55.7% rakyat Malaysia yang bekerja dan tinggal di Singapura adalah perempuan dan 44.3% adalah lelaki; dan

SOALAN NO: 47

- iii. Motivasi utama kenapa rakyat Malaysia bekerja di Singapura adalah faktor kekuatan matawang Singapura dan peluang untuk mendapat gaji yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**
TARIKH SOALAN : **20 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 48

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah kelainan dan nilai tambah yang ada pada program "Profesional Training and Education for Graduating Entrepreneurs" (PROTEGE) berbanding Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) dan apakah perkembangan terkini program tersebut dalam usaha meningkatkan kemahiran dan kemampuan usahawan muda menyiapkan diri menghadapi Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) adalah program yang dijenamakan semula dari program asal Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M). Selaras dengan fungsi MED, skop program PROTÉGÉ telah diperluaskan lagi dengan memasukkan elemen latihan keusahawanan kepada graduan dan golongan belia lepasan sekolah, sijil, diploma dan ijazah ke atas. Ianya bertujuan memantapkan lagi pembangunan modal insan negara dengan mewujudkan golongan belia dan graduan yang bukan hanya mencari pekerjaan (*job seekers*) tetapi juga mewujudkan pekerjaan (*job creators*).

2. Selaras dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Industri 4.0, PROTÉGÉ sedang mengadakan kempen kesedaran dan turun padang kepada anak muda melalui program *outreach* keusahawanan dan kebolehpasaran. Program yang dirangka ini mengambil kira penambahbaikan dan pendekatan baru yang lebih mantap dalam memperkasakan golongan muda yang dilengkapi dengan kemahiran terkini bagi memenuhi keperluan industri semasa.

3. Salah satu program yang telah ditambah baik adalah program PROTÉGÉ *Ready-To-Work* (RTW). Program ini akan membantu graduan meningkatkan kebolehpasaran mereka melalui latihan pekerjaan secara penempatan di industri. Program ini merangkumi lima (5) modul wajib latihan *soft skills* dengan penambahan dua (2) modul baharu dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh syarikat yang terlibat. Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama 8 bulan (minimum) hingga 12 bulan (maksimum).

4. Tujuh (7) modul latihan wajib di dalam PROTÉGÉ RTW adalah *Communication & Networking Skills, Creative & Analytical Thinking, Value Driven Professional, Organizational Adaptability, Grooming & Etiquette, Entrepreneurship 101 (Introduction to Business), Environment Sustainability & Social Impact (Social Entrepreneurship)*.

5. Modul keusahawanan ini memberikan nilai tambah (*value added*) kepada graduan untuk mengaplikasikan *entrepreneurial thinking* dalam penghasilan kerja. Secara tidak langsung, ia akan menggalakkan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat latihan.

6. Selain daripada PROTÉGÉ RTW, berikut adalah program baharu yang direka khas di bawah PROTÉGÉ untuk para belia:

- a) Program Entrepreneurship
 - i. PROTÉGÉ *Entrepreneurship Intern*
 - ii. PROTÉGÉ *Boot Camp*
 - iii. PROTÉGÉ *Business Accelerator*
 - iv. PROTÉGÉ *Co-Op*
 - v. PROTÉGÉ *in ICT*

- b) Program Employability
 - i. PROTÉGÉ *Booster*
 - ii. PROTÉGÉ *for Industry*

7. Program kesedaran dan turun padang secara besar-besaran bagi tahun 2019 akan dilaksanakan dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih bagi memastikan kumpulan sasaran dapat mengoptimumkan program-program yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 49

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah seriusnya gejala dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan apakah langkah yang dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap pengaruh dadah dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, KPM telah melakukan tindakan pengesanan awal secara berterusan bersama-sama Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia. Rekod KPM menunjukkan bahawa peratus murid yang telah dikesan mencuba dadah secara relatifnya adalah rendah iaitu hanya 0.038 peratus berbanding jumlah keseluruhan murid sekolah rendah dan menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membanteras gejala dadah dalam kalangan murid sekolah secara terancang telah bermula semenjak tahun 1986. KPM melaksanakan pendekatan pendidikan pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah. Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dilaksanakan di dalam dan luar kelas menerusi kurikulum, kokurikulum serta pembangunan sahsiah. Semua sekolah mempunyai jawatankuasa PPDa yang menyelaraskan pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun.

NO. SOALAN : 49

Antara aktiviti PPDa yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah seperti Mesej Lima (5) minit, Sambutan Minggu Anti Dadah, Bilik / Lajuan PPDa, Pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan, Program Jom ke Sekolah dan Skim Lecana Anti Dadah (SLAD).

Aktiviti PPDa juga dilaksanakan dengan kerjasama AADK, Kementerian Kesihatan (KKM) dan PEMADAM. Aktiviti yang dilaksanakan dengan kerjasama AADK ialah seperti:

1. Ujian Urin untuk murid sekolah menengah;
2. Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) untuk murid-murid yang dikesan mencuba dadah; dan
3. Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah di kawasan berisiko.

Sekian, terima kasih

RJM 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyakkah pengeluaran ikan air tawar yang dikeluarkan dalam negara pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Nyatakan peratus pengeluaran ikan air tawar berbanding dengan ikan laut. Apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan lagi pengeluaran ikan air tawar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, pengeluaran ikan air tawar dalam negara pada tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

TAHUN	PENGELUARAN	NILAI
2016	109.2 ribu metrik tan	RM 879 juta
2017	107.8 ribu metrik tan	RM 821 juta
2018 (data awalan)	114.4 ribu metrik tan	RM 871 juta

SOALAN NO : 50

Manakala, peratusan pengeluaran ikan air tawar berbanding ikan laut adalah berikut:

TAHUN	PERATUSAN PENGELUARAN IKAN AIR TAWAR
2016	6.9 %
2017	7.4 %
2018 (data awalan)	7.8 %

Bagi meningkatkan pengeluaran ikan air tawar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- i. Program Ladang Sinergi yang melibatkan pemindahan teknologi, latihan teknikal dan jaminan pasaran melalui belian balik daripada peserta;
- ii. Program Kluster SME yang menghimpunkan penternak-penternak kecil bagi memudahcara sistem penyampaian khidmat teknikal dan sistem pengurusan ladang yang lebih cekap; dan
- iii. Program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur (SpeKS Akuakultur) yang menyediakan khidmat nasihat, bantuan teknikal, bantuan peralatan dan latihan serta peluang menggunakan kemudahan akuakultur di pusat-pusat inkubator milik Jabatan Perikanan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN : 51

YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelarian Rohingya yang bermastautin di Malaysia secara sah dengan status pelarian oleh UNHCR serta jumlah tenaga kerja bangsa Rohingya di negara kita.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR) di Kuala Lumpur, terdapat 6,931 orang pemohon suaka etnik Rohingya dan 77,096 orang pelarian etnik Rohingya, yang menjadikan jumlah keseluruhan pemohon suaka dan pelarian etnik Rohingya yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia berjumlah 84,027 orang.
2. Malaysia bukanlah Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, Malaysia tidak tertakluk kepada mana – mana perkara dan peruntukan di dalam kedua – dua instrumen antarabangsa ini, termasuklah dalam perkara membenarkan pemohon suaka ataupun pelarian untuk bekerja secara formal di dalam negara. Justeru, kerajaan tidak mempunyai sebarang rekod jumlah tenaga kerja bangsa Rohingya di negara kita.
3. Walaubagaimanapun, pelarian Rohingya ini dibenarkan untuk bekerja di dalam sektor tidak formal seperti pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian, perniagaan runcit dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL**

TARIKH : 20 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 52

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah penyelesaian jangka panjang Kerajaan bagi mengatasi permasalahan banjir di Temelok, Batu Hampar, dan Padang Gajah bagi kawasan DUN Trong serta Matang dan Simpang Halt bagi kawasan DUN Kuala Sepetang. Apakah jaminan Kerajaan, bahawa pembangunan Lebuh Raya Pantai Barat (The West Coast Expressway - WCE), Banting ke Changkat Jering tidak akan memberi implikasi baharu berhubung permasalahan banjir terutamanya di kawasan DUN Trong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Temelok, Batu Hampar, dan Padang Gajah bagi kawasan DUN Trong serta Matang dan Simpang Halt bagi kawasan DUN Kuala Sepetang terletak dalam kawasan tadahan Sungai Trong dan Sungai Nyior.

Bagi penyelesaian jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan, kajian bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian banjir dan kaedah yang berkesan untuk mengatasinya akan dilaksanakan. Permohonan untuk melaksanakan kajian tersebut akan dipohon dalam *Rolling Plan 4 (2020) RMKe-11*.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) sentiasa memantau dan menyelenggara Sg. Trong dan Sg. Nyior untuk mengurangkan kejadian banjir.

Kawasan Temelok, Batu Hampar dan Padang Gajah dalam DUN Trong berada di kawasan hilir koridor pembinaan Lebuhraya WCE (Seksyen 11 – Persimpangan Beruas ke Persimpangan Taiping Selatan) dengan jarak kira-kira 1.5 km sehingga 4.2 km daripada jajaran lebuhraya. Sehubungan itu, pembinaan lebuhraya tidak memberi sebarang implikasi baharu terhadap permasalahan banjir di kawasan tersebut.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga sentiasa memantau kerja-kerja pembinaan yang dijalankan oleh pihak WCE terutamanya di lokasi-lokasi

sensitif dalam memastikan pembinaan Lebuh raya WCE tidak memberi kesan tambahan terhadap kawasan sensitif banjir/ saluran sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN .53

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] boleh dipinda agar pengambilan kawasan atau tanah rizab Orang Asli akan dibayar pampasan yang setimpalnya dan setanding dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak kebelakangan ini telah timbul kesedaran dari kalangan Masyarakat Orang Asli untuk menuntut pampasan terhadap kawasan atau tanah rizab Orang Asli apabila kawasan tersebut terlibat dengan projek pembangunan kerajaan mahupun swasta. Pada masa sekarang bayaran gantirugi terhadap pokok-pokok tanaman yang dibuat dibawah Seksyen 11 Akta 134 dan Bayaran pampasan tanah yang dibuat dibawah Seksyen 12 akta yang sama adalah tidak setimpal dan jauh lebih murah berbanding dengan pengambilan balik tanah yang dibuat dibawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (Akta 486).

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974. Cadangan pindaan ini akan dibuat selaras dengan Perkara 8(5) Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) serta Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (Akta 486) bagi menjamin bayaran pengambilan balik tanah atau rizab Orang Asli adalah setanding dengan harga tanah-tanah disekelilingnya dan Orang Asli mendapat pampasan yang setimpal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI
HAJI ABDUL KARIM**

[BATANG LUPAR]

TARIKH SOALAN : **20 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan mengenai program keusahawanan untuk wanita *MySMELady*. Sejauh manakah program ini dapat membantu usahawan wanita untuk menembusi pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sememangnya menyedari akan kepentingan untuk memupuk dan membimbing usahawan wanita dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, program *MySMELady* telah dilancarkan pada 8 Oktober 2018 khusus untuk usahawan PKS wanita sebagai menyokong pembinaan komuniti yang memperkasakan wanita. Program ini menawarkan bantuan pembiayaan berbentuk pinjaman kewangan sehingga RM1 juta untuk menggalakkan perniagaan yang meliputi perolehan aset dan modal kerja.
2. Antara keistimewaan program ini termasuklah pemohon dikenakan nilai cagaran yang minima dan diberi pilihan pengeluaran wang sehingga 30% daripada jumlah pembiayaan modal kerja melalui kad debit. Pemohon yang diluluskan pembiayaan akan menjadi ahli eksklusif *MySMELady Biz Club* secara automatik dan menikmati kelebihan sebagai ahli seperti mengikuti program pengembangan usahawan meliputi bimbingan niaga (*business coaching*), pendedahan kepada peluang perniagaan melalui forum dan seminar, program pemasaran serta pelbagai kemudahan lain.
3. Oleh kerana program ini baru diperkenalkan, keberkesanannya masih belum boleh diukur sepenuhnya. Walaubagaimanapun, SME Bank sedang giat mempromosi program ini agar usahawan wanita menerima maklumat yang lengkap tentang keistimewaannya.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BINTI ALUAI
KAWASAN : TANGGA BATU
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BINTI ALUAI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tempoh masa Lebuh Raya Sungai Udang, Paya Rumput, Ayer Keroh (SPA) bakal disiapkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Jalan FT33 dari Paya Rumput Ke Sungai Udang, Melaka terbahagi kepada 2 Fasa. Fasa 1 bermula dari Paya Rumput ke Ayer Keroh sepanjang 11.4 km dibina 4 lorong 2 hala manakala baki 10 km dari Paya Rumput ke Sg. Udang dibina 2 lorong 2 hala dan telah siap pada tahun 2005.

Pelaksanaan Fasa 2 adalah bagi melengkapkan jajaran Paya Rumput ke Sg. Udang sepanjang 10km kepada 4 Lorong 2 hala. Projek ini bermula pada 24 Ogos 2016. Kemajuan semasa adalah 90% (sebenar) / 90% (Jadual) dan dijadual siap pada akhir bulan Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 20 MAC 2019 | RABU

SOALAN :

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan aset yang dimiliki oleh Tabung Haji dan adakah terdapat sebarang aset Tabung Haji yang telah dijual semenjak Mei 2018, apakah aset yang dijual beserta nilai jualannya.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Penyata Kewangan pada 31 Disember 2017 yang telah diaudit, jumlah nilai aset yang dimiliki Tabung haji adalah RM70.3 bilion, berbanding nilai liabiliti, terdiri daripada jumlah deposit dan tanggungan, sebanyak RM74.4 bilion.

Selaras dengan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji, aset-aset yang memberi pulangan rendah dan mengalami kejatuhan nilai melebihi 20% telah dipindahkan pada nilai RM19.9 bilion bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami Tabung Haji.

Aset-aset yang dipindahkan terdiri daripada 29 harta tanah, 1 syarikat tidak tersenarai dan 106 sekuriti ekuiti domestik, dimana:

- 18 hartanah tidak mempunyai sebarang pendapatan, terutamanya tanah kosong.
- 10 pegangan sekuriti equiti domestik yang mengalami kerugian tertinggi mempunyai kerugian berjumlah hampir RM4.6 bilion.

Kedudukan kewangan pada hujung 2018 yang belum diaudit kini menunjukkan Lembaga Tabung Haji memiliki aset berjumlah RM76.5 bilion berbanding jumlah deposit dan tanggungan sebanyak RM75.5 bilion sebelum bayaran hibah 2018 dibuat.

Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji kini bertambah baik, dimana nilai aset melebihi nilai liabiliti, membolehkan Hibah diisytihar mengikut Akta Tabung Haji 1995.

Untuk memastikan ketelusan yang berterusan, pengumuman mengenai prestasi dan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji akan dibuat pada setiap 3 bulan bermula suku pertama tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk memantau serta mencegah perkhidmatan rumah penjagaan paliatif yang tidak sah serta tidak terurus memandangkan perkhidmatan ini semakin berleluasa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mengawal dan mengawalselia kemudahan rumah penjagaan paliatif swasta dengan melesenkannya sebagai hospis swasta selaras dengan ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006].

Bagi mencegah perkhidmatan rumah penjagaan paliatif yang tidak sah serta tidak terurus, Kementerian boleh mengambil tindakan penguatkuasaan selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 3(i) dan 5, Akta 586 dan peruntukan di bawah Bahagian XXVIII, P.U. (A) 138/2006.

Merujuk kepada Seksyen 3(i) dan 5, Akta 586, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana pihak menubuhkan atau menyenggarakan dan/atau menyediakan atau mengendalikan hospis swasta tanpa kelulusan dan/atau lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekiranya mana-mana pihak melanggar Seksyen 3(i), Akta 586, mereka boleh diambil tindakan mahkamah dan dikenakan denda sehingga RM300,000.00 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan bagi pertubuhan perbadanan atau pertubuhan pula boleh didenda sehingga RM500,000.00.

Bagi premis yang berlesen tetapi tidak menyediakan perkhidmatan dengan baik dan melanggar Akta 586 dan peraturan-peraturannya dimana berkaitan juga boleh dikompaun.

Pada masa ini, pegawai-pegawai daripada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Ibu Pejabat dan Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pelanggaran terhadap Akta 586 dan

peraturan-peraturannya. Kementerian juga bertindak atas aduan mana-mana pihak mengenai kewujudan premis yang tidak berlesen dengan Kementerian.

Setakat tarikh ini, semakan rekod Kementerian mendapati tiada aduan yang diterima berkaitan dengan isu hospis swasta yang tidak berlesen atau tidak terurus.

Pihak Kementerian sedang meningkatkan usaha untuk memberi kefahaman kepada pengusaha dan orang ramai berkaitan keperluan perlesenan kepada pengusaha-pengusaha hospis swasta. Kementerian berharap orang awam yang ingin memasuki sesebuah hospis swasta, menyemak status lesen premis tersebut di laman sesawang Kementerian terlebih dahulu ataupun meneliti Lesen premis yang perlu dipamerkan di premis tersebut, sebelum bersetuju untuk mengguna khidmat mana-mana premis.

Keselamatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kementerian. Oleh itu, Kementerian amat berharap supaya kerjasama erat antara rakyat dan Kementerian dapat dipertingkatkan dalam usaha mengenalpasti hospis swasta yang tidak berlesen atau tidak terurus. Aduan dan maklumat seterusnya boleh dikemukakan kepada Kementerian untuk tindakan sewajarnya. Sekiranya orang awam mempunyai apa-apa maklumat atau aduan berkaitan kemudahan hospis swasta yang tidak sah atau tidak terurus, aduan tersebut boleh dipanjangkan kepada Bahagian Amalan Perubatan melalui ckaps.aduan@moh.gov.my. Kementerian akan mengambil tindakan penguatkuasaan, dengan mengambil kira bahawa aspek keselamatan, kebajikan dan kesinambungan rawatan pesakit dapat dipastikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG (KANOWIT)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peratusan dan jumlah anggota kaum Dayak dalam Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Laut dan Udara). Berapakah jumlah pengambilan setiap tahun keseluruhannya dan berapakah kuota untuk kaum Dayak dari Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan tonggak pertahanan negara yang memerlukan warganegara Malaysia dari kalangan semua kaum yang berkelayakan. Atas semangat ini, ATM amat mengalu-alukan penyertaan belia pelbagai kaum untuk menyertai ATM.

ATM tidak melaksanakan sistem kuota dalam proses pengambilan Pegawai dan Askar Lasykar. Walau bagaimanapun, salah satu *Minister's Performance Index* (MPI) telah menggariskan sasaran sebanyak tidak kurang 10 peratus bagi pengambilan tahunan Bukan Melayu. Sehingga Disember 2018, peratusan keanggotaan ATM berdasarkan pegangan kaum Dayak Sarawak adalah sebanyak 0.85% bagi Pegawai dan sebanyak 6.87% bagi Askar Lasykar.

ATM akan terus mempergiatkan lagi usaha untuk menarik minat kaum Bukan Melayu bagi menyertai ATM pada masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kemudahan-kemudahan seperti tempat letak kereta di lapangan terbang tersebut kerana semua kemudahan telah mencecah tahap kegunaan sepenuhnya sekarang.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2018 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.8 juta penumpang iaitu 120% daripada kapasiti sedia ada.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsyen untuk memperbesarkan LTAPP dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal LTAPP daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang setahun.

NO. SOALAN : 59

3. Bagi menampung kos pembesaran LTAPP, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang cost effective.
4. Sehingga kini, MAHB telah melantik perunding pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka dan pihak perunding tersebut sedang membuat kerja-kerja rekabentuk dan sebagainya. Projek naiktaraf LTAPP ini dijangka dijadualkan bermula pada Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.
5. Bagi memastikan keselesaan penumpang, MAHB telah menjalankan pembangunan naiktaraf tempat letak kereta di LTAPP. Projek Pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di LTAPP telah bermula pada bulan Ogos 2018 dan kerja – kerja pembinaan dianggarkan mengambil masa 14 bulan. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan anggaran sebanyak 2,420 lot petak pemakiran kenderaan untuk Blok A (Fasa Pertama) berbanding 850 lot pada masa ini. Dengan siapnya fasiliti ini pastinya akan memberi kemudahan yang selesa dan selamat kepada para pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BINHAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 20 MAC 2019 | RABU

SOALAN :

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme terbaik yang telah direncana oleh Kementerian bagi melaksanakan kaedah pemberian subsidi untuk jemaah haji yang membuat rayuan kali pertama atau pengiring mahram untuk menunaikan Rukun Islam Kelima tersebut.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
KAWASAN : KAPAR
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh pelaksanaan baik pulih jalan raya di kawasan Parlimen Kapar yang mana peruntukannya telah diluluskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di dalam pembentangan belanjawan 2019 yang lepas merupakan kelulusan peruntukan **penyenggaraan rutin** sahaja yang meliputi kerja-kerja seperti penampalan lubang jalan, memotong rumput, mencuci sistem perparitan jalan dan pembedung.

Bagi program **penyenggaraan berkala** jalan Persekutuan, ianya terbahagi kepada dua kategori penyenggaraan iaitu:

- 1) **Penyenggaraan Pavemen Berkala** yang meliputi kerja-kerja turapan jalan seperti menurap semula permukaan jalan; dan
- 2) **Penyenggaraan Bukan Pavemen Berkala** yang meliputi kerja-kerja selain dari turapan jalan seperti mengecat garisan jalan, membaikpulih pembedung, mengganti papan tanda dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, bagi program **penyenggaraan pavemen berkala 2019**, Kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Mac 2019 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara daripada RM610 juta peruntukan tambahan yang dipohon Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan peruntukan yang diluluskan ini Kementerian Kerja Raya akan memberi keutamaan penyenggaraan pavemen berkala di Kawasan Parlimen Kapar yang akan bermula selewat-lewatnya pada awal April 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 62

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian berkenaan laporan dalam "*Executive Review Committee Report*" pada muka surat 79 – 81 yang menyatakan melalui stesyen pengawasan air bawah tanah berlakunya pencemaran air bawah tanah di sekitar kawasan simpanan sisa Lynas semenjak tahun 2015.

JAWAPAN

1. Selaras dengan syor Laporan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP), pemantauan secara berkala terhadap kualiti air tanah dijalankan di sekitar kawasan premis. Analisa pemantauan kualiti air bawah tanah yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang pada 21 November 2018 mencatatkan bacaan parameter *iron* (Fe), *manganese* (Mn), *Chloride* (Cl), *Total Dissolved Solid* (TDS) dan *hardness* (CaCO₃) melebihi standard yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (2000) yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Oleh itu, pihak JAS telah mengeluarkan Notis Arahan pada 12 Disember 2019 di bawah Seksyen 31 (1) (e) dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd.
3. Pemantauan kualiti air bawah tanah melalui persampelan akan diteruskan oleh pihak JAS secara berkala. Untuk makluman Dewan, sampel terkini telah diambil pada 6 Mac 2019 dan sedang dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : **20 MAC 2019 [RABU]**

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kadar caj meletak kenderaan di semua Bandaraya seluruh negara tidak seragam dan munasabah. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan penyeragaman dilakukan supaya pengguna parkir tidak terbeban.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar caj meletak kenderaan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertaraf Majlis Bandaraya adalah berdasarkan kepada justifikasi berikut:
 - (i) PBT mempunyai kuasa di bawah Undang-undang Kecil (UUK) / Perintah untuk menetapkan kadar caj tempat meletak kenderaan di kawasan masing-masing. Kadar caj yang dikenakan bergantung kepada faktor geografi dan ekonomi masyarakat setempat;

- (ii) Sektor ekonomi dan perkhidmatan yang pesat menyebabkan jumlah trafik kenderaan yang tinggi memasuki kawasan bandar raya. Keadaan ini menyebabkan PBT perlu menyediakan dan menguruskan kawasan tempat meletak kenderaan secara teratur dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi;
 - (iii) Piawaian caj adalah berdasarkan kepada zon. Bagi zon yang mengalami kesesakan yang tinggi maka kadar caj meletak kenderaan yang dikenakan juga tinggi; dan
 - (v) Perbezaan kadar bayaran ini juga memudahkan PBT melaksanakan penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi kadar caj yang ditetapkan terutama di kawasan yang mengalami kesesakan tinggi semasa waktu puncak.
2. Penyeragaman kadar caj meletak kenderaan boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Setakat ini, pihak Kementerian tidak berhasrat untuk menyeragamkan kadar caj meletak kenderaan yang dikenakan oleh PBT bertaraf Majlis Bandar raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

RUJUKAN : L6 [PR-1421-L03179]

SOALAN NO. 64

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan projek pembinaan bangunan 6 tingkat atas tanah Kerajaan Lot 568, Medan Imbi, Kuala Lumpur tanpa mendapat hakmilik terlebih dahulu yang telah diluluskan pembinaannya oleh DBKL, apakah tindakan Kerajaan ke atas pembinaan tersebut sama ada tindakan meroboh, diserahkan semula kepada DBKL ataupun dijual kepada pemaju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan telah meneliti perkara ini dan memutuskan untuk pemaju menyerahkan semula tapak dan mengosongkan bangunan tersebut. Kes di Medan Imbi bukan satu-satunya kes penyalahgunaan tanah kerajaan yang berlaku di Kuala Lumpur. Kementerian ini telah mengenalpasti 3 kes penyalahgunaan yang lain. Kes ini menjadi rumit kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikan kebenaran perancangan untuk pembangunan ini. Sehubungan dengan itu pemaju telah memfailkan tindakan mahkamah terhadap Kerajaan.

Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa ini sedang mengkaji dan mendapatkan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara untuk menentukan tindakan-tindakan yang boleh diambil berdasarkan undang-undang terhadap pihak yang terlibat. Kementerian juga akan memastikan tindakan yang konsisten terhadap semua pemaju lain yang terlibat dengan kes-kes seperti ini.

Senarai Pembangunan di Tanah Kerajaan adalah seperti berikut :

1. Medan Imbi;
2. Yayasan Wangsa Perdana (Shazac Bistari);
3. Yayasan Ehsan Seputeh (Kompleks Tun Ghafar Baba); dan
4. Ali Cafe.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 65

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pembiayaan oleh Syarikat Da Ma Chai bagi membiayai lawatan pegawai kanan polis ke Istanbul dan apakah kaitan pasukan keselamatan negara iaitu Polis Diraja Malaysia dengan syarikat perjudian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi Pegawai Kanan Polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

SOALAN NO : 65

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:-

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1- 6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00; dan
- iv) Pada 16 Mac 2017- Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang di ketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut:-

SOALAN NO : 65

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasannya, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara “*on course*” atau “*off Course*” di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembanterasannya pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH MENJAWAB : 20 MAC 2019

SOALAN : 66

YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha baru Kerajaan untuk menandatangani Perjanjian Bantuan Perundangan Bersama Dalam Hal Jenayah (*Mutual Legal Assistance In Criminal Matters*) serta Perjanjian Ekstradisi (*Extradiction Treaty*) dengan negara-negara lain.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

1. Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah dengan tujuh belas buah negara iaitu Brunei Darussalam, Cambodia, Filipina, Indonesia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam pada 29 November 2004, Australia pada 15 November 2005, Amerika Syarikat pada 28 Julai 2006, Hong Kong (Wilayah Pentadbiran Khas) pada 17 Oktober 2006, United Kingdom pada 21 Julai 2010, Korea Selatan pada 10 Disember 2010, India pada 12 Mac 2012, Republik Rakyat China pada 23 November 2015 dan Ukraine pada 4 Ogos 2016.
2. Kerajaan Malaysia juga telah menandatangani Perjanjian Ekstradisi dengan lapan buah negara iaitu Thailand (melalui Perjanjian Ekstradisi antara Great Britain dengan Siam yang ditandatangani pada 4 Mac 1911 dan pemakaiannya telah dilanjutkan melalui pertukaran Nota bertarikh 27 Oktober 1959 antara Persekutuan Malaya dengan Thailand), Indonesia pada 7 Jun 1974, Hong Kong (Wilayah Pentadbiran Khas) pada 11 Januari 1995, Amerika Syarikat pada 3 Ogos 1995, Australia pada 15 November 2005, India pada 20 Januari 2010, Korea Selatan pada 17 Januari 2013 dan Ukraine pada 4 Ogos 2016.

3. Pada masa kini, Kerajaan Malaysia juga dalam proses rundingan Perjanjian Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah dan Perjanjian Ekstradisi secara aktif dengan beberapa buah negara lain seperti Republik Islam Iran, Romania, Maldives, Algeria, Kazakhstan dan Perancis.
4. Keutamaan untuk mengadakan rundingan perjanjian-perjanjian tersebut diberikan berdasarkan jumlah kes bantuan bersama dalam perkara jenayah dan ekstradisi yang sedang dikendalikan, hubungan kerjasama sedia ada antara kedua-dua Negara dan hasrat negara-negara tersebut untuk memuktamadkan kedua-dua Perjanjian berkenaan dengan Malaysia.
5. Pada masa kini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan terhadap pemerolehan dua buah kapal selam *Scorpene-class* pada tahun 2002 oleh Kerajaan Malaysia daripada syarikat Perancis. Siasatan dan pendakwaan juga sedang dijalankan oleh pihak berkuasa Perancis berhubung dengan pemerolehan *Scorpene* ini. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia komited dalam memberi bantuan kepada Kerajaan Perancis. Kerajaan Malaysia juga telah menerima permintaan bantuan bersama dalam perkara jenayah daripada Kerajaan Perancis berhubung dengan pemerolehan *Scorpene*.

6. Demi keadilan dan kepentingan bersama, kedua-dua pihak berkuasa Malaysia dan Perancis sedang bekerjasama dalam usaha memberikan bantuan perundangan bersama dalam hal jenayah. Maklumat dan dokumen telah dikongsi untuk mengukuhkan kes masing-masing dalam bidang kuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN [BATU]
TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 67

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi penambahbaikan terhadap program-program PERMATA dan selepas pelajar-pelajar tersebut menamatkan pengajian mereka adakah pelajar-pelajar tersebut diberi keistimewaan seperti ruang untuk mendapatkan pekerjaan pada masa yang sama terus digilap bakat mereka untuk menjadi tenaga-tenaga pakar buat negara kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 30 Mei 2018. Selaras dengan perpindahan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan beberapa siri libat urus bersama-sama Bahagian di Kementerian dalam usaha untuk mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Antara penambahbaikan Program PERMATA seperti Program PERMATA Pintar adalah memperluaskan kolaborasi program penyelidikan dengan pelbagai pihak secara empat (4) penjurong melibatkan pelajar pintar berbakat, universiti, komuniti dan industri. Selain itu, Program PERMATA Pintar turut mengadakan *Career Shadow Program*

untuk pelajar pintar berbakat di pelbagai organisasi dan industri semasa cuti sekolah. Program latihan jati diri dan kepimpinan turut dilaksanakan untuk melahirkan pelajar pintar dan berbakat yang lebih holistik dan mempunyai semangat kewarganegaraan yang tinggi.

Pelajar-pelajar lepasan Program PERMATA dipantau secara berterusan oleh Pusat PERMATA *STEM Talent* (PST) selepas mereka memasuki Program Sarjana Muda dan seterusnya pemantauan tersebut dilaksanakan melalui:

1. Program Mentoran bersama ahli akademik atau pakar bidang dari Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Penyelidikan;
2. Jalinan kerjasama untuk latihan industri atau kerjaya dengan syarikat-syarikat terkemuka di dalam negara melalui kerjasama dengan pihak *Penang Skills Development Centre*. Penetapan untuk pelaksanaan program latihan industri atau kerjaya di dalam dan luar negara sedang giat dijalankan seiring dengan pembangunan negara;
3. Peluang untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan melalui program-program seperti *International Youth Forum, Future Leader Congress, World Bank Group Youth Summit, UST Model ASEAN Meeting* dan *International Model United Nation*;
4. Penilaian bakat dilakukan untuk menilai kompetensi pelajar-pelajar sebagai persediaan menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0; dan
5. Program Tautan Ukhuwah bersama alumni dijalankan sebagai jaringan kerjasama antara alumni dengan PST bagi membantu kemajuan kerjaya alumni.

Pemantauan pelajar-pelajar lepasan Program PERMATA meliputi kedua-dua bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dan aliran sastera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 68

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan untuk dua buah flat guru lama di kawasan bandar Labuan untuk ditukar kepada pusat Tingkatan 6 mode 1.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum dan sentiasa memberi perhatian terhadap permohonan ubah suai naik taraf Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) di Wilayah Persekutuan Labuan untuk dijadikan Kolej Tingkatan Enam Mod 1.

Untuk makluman KPM telah mengemukakan permohonan peruntukan ubah suai tersebut melalui *Rolling Plan 2020* Rancangan Malaysia Ke-11 untuk kelulusan agensi pusat. Proses tukar guna KIP tersebut akan dilaksanakan melalui prosedur yang ditetapkan oleh KPM setelah peruntukan ubah suai diluluskan oleh agensi pusat.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah status projek pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) sehingga kini; dan
- (b) berapakah jumlah pelaburan serta pulangan semula yang dijangka oleh pihak Kementerian kepada 1MDB apabila projek ini telah disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia, projek Tun Razak Exchange (TRX) dibangunkan oleh TRX City Sdn Bhd (TRXC), syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Selaku pemilik dan pemaju induk bagi projek berkeluasan 70 ekar tersebut, TRXC bertanggungjawab menjadi penyelia keseluruhan pembangunan, menarik para pelabur dan membangunkan rangkaian infrastruktur bagi keseluruhan tapak projek.

Sehingga ini, kira-kira 70 peratus daripada plot tanah yang tersedia di TRX telah dikomersialkan dengan jumlah jualan kira-kira RM4.123 bilion. Projek TRX telah berjaya menarik minat pelbagai pelabur dan penyewa tempatan serta antarabangsa termasuk bank-bank dan institusi kewangan utama dunia seperti HSBC Bank, Affin Bank, Prudential dan Lendlease.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2018 telah bersetuju untuk meneruskan projek TRX dengan bantuan kewangan sebanyak RM2.799 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat sehingga tahun 2024.

Berdasarkan kepada andaian yang munasabah, pelaburan tambahan oleh Kerajaan melalui penyaluran geran sebanyak RM2.799 bilion ini akan membolehkan TRXC mendapatkan pulangan sebanyak RM5.69 bilion kepada Kerajaan. Secara konservatif, pelaburan tambahan ini akan memberikan jumlah pulangan pada masa yang akan datang, yang melebihi kos tambahan ini dan juga *sunk cost* yang telah digunakan oleh 1MDB untuk tujuan lain.

Tuan Yang Dipertua,

Sokongan Kerajaan terhadap projek TRX adalah amat penting dalam memastikan dana Kerajaan yang telah/akan dilaburkan tidak menjadi *sunk cost* tanpa sebarang pulangan di samping membantu membersihkan nama TRX dan mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap projek tersebut. Tambahan pula, projek ini merupakan projek strategik nasional yang telah/akan menarik para pelabur tempatan dan antarabangsa yang seterusnya dapat memacu ekonomi Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi, menjana peluang pekerjaan yang berkualiti, menyokong pertumbuhan sektor kewangan negara, serta menaik taraf status Bandaraya Kuala Lumpur sebagai destinasi global yang

berdaya saing tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Ini merupakan hasil usaha "detox" yang MOF lakukan selepas mengambil alih tampuk pemerintahan pada 9 Mei 2018 terhadap projek TRX Exchange yang terpalit dengan skandal 1MDB. Dengan menyegerakan usaha-usaha "detox" yang merangkumi tindakan mengenal pasti, mengasingkan dan kuarantin unsur-unsur penyelewengan, salah guna kuasa, dan salah laku berkaitan dengan 1MDB oleh pemimpin-pemimpin kerajaan terdahulu, kita telah berjaya menjadikan projek ini menarik kepada para pelabur. Selepas usaha "detox", TRX Exchange kini adalah projek bebas rasuah yang mendapat kepercayaan pelabur di dalam dan luar negara. Saya percaya lebih banyak pelabur akan tertarik dengan projek ini, yang boleh menjadi satu projek global bertaraf antarabangsa selepas dibersihkan daripada isu-isu berkaitan dengan 1MDB. Pada masa ini, tumpuan utama Kerajaan adalah untuk memastikan TRXC menyiapkan infrastruktur projek TRX sebelum baki plot tanah di TRX dikomersialkan. Justeru itu, Kerajaan masih belum memutuskan kaedah dan jumlah pulangan projek TRX yang akan digunakan untuk membantu menyelesaikan hutang 1MDB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 20.3.2019 (RABU)

SOALAN NO. 70

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan pembinaan baru bagi sekolah daif di Sarawak menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang dikatakan kualitinya tidak setimpal dengan kos jika dibandingkan dengan kaedah pembinaan konvensional yang lebih tahan lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7. Tahun 2018, telah menjelaskan keperluan pelaksanaan 70 peratus komponen *Industrial Building System* (IBS) dalam setiap projek kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembinaan secara IBS adalah tertakluk kepada keputusan Jabatan Kerja Raya (JKR) memandangkan projek tersebut akan dilaksanakan oleh JKR. Sudah pastinya kesesuaian penggunaan komponen IBS ini akan dinilai sebaik mungkin dengan melihat terhadap aspek akses ke lokasi projek, kos efektif serta tempoh penyediaan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha memperkasakan dan penambahan perjawatan pegawai kesihatan persekitaran dan logistik di Sabah untuk menangani kes-kes penyakit berjangkit, kawalan dan penguatkuasaan berhubung kebersihan dan keselamatan makanan. Usaha-usaha untuk menyalurkan perkhidmatan perkhidmatan tersebut dengan efektif sentiasa berdepan dengan kekangan kekurangan kakitangan dan jangkauan lokasi-lokasi penduduk di pedalaman terbantut disebabkan kekurangan kenderaan bersesuaian dan jaringan jalan raya yang kurang baik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2019, jumlah Pegawai Kesihatan Persekitaran di Malaysia ialah 260 perjawatan (dengan pengisian seramai 231 orang). Di Sabah pula, jumlah Pegawai Kesihatan Persekitaran ialah 24 perjawatan (dengan pengisian 23 orang). Kedudukan ini menjadikan jumlah perjawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran di Sabah yang tertinggi di Malaysia.

KKM sentiasa berusaha untuk menangani isu-isu keperluan perjawatan dan logistik. Sehubungan dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 05 Mac 2015, di mana terdapat arahan pembekuan tambahan jawatan baru, KKM berusaha untuk menangani situasi ini melalui job deployment dan *multi-tasking* dalam pengurusan sumber manusia dan pergerakan logistik di seluruh negara.

Kekuatan perjawatan setiap kategori anggota Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran disusun mengikut aktiviti, khususnya untuk aktiviti yang melibatkan, Kawalan Penyakit Berjangkit, Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Program Bekalan Air Kebersihan Sekeliling, Kawalan Mutu Air Minum, Program Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Penguatkuasaan Perundangan. Semua aktiviti ini boleh dijalankan secara agihan tugas mengikut pecahan kawasan operasi agar mencapai sasaran kerja ditetapkan serta menggunakan logistik pengangkutan secara lebih cekap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah tindakan penguatkuasaan yang telah atau sedang diambil terhadap pengeluar-pengeluar produk yang menggunakan jenama sebagai produk Muslim serta menggunakan logo halal sedangkan produk-produk tersebut dikeluarkan oleh pengusaha bukan Muslim dan melalui proses pengeluaran yang bertentangan dengan syariat Islam serta tidak mendapat kelulusan sijil halal.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan sistem pensijilan halal Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Pensijilan Halal Malaysia terbuka kepada semua pemohon sama ada dimiliki oleh orang Islam mahu pun bukan Islam. Setiap produk yang telah dipersijilkan halal, pemeriksaan telah dibuat dengan terperinci dengan memastikan ramuan yang digunakan adalah halal, proses dan pengendalian dibuat

dengan menepati kehendak syarak dan berdasarkan standard dan prosedur yang ditetapkan.

Berkaitan dengan produk-produk yang dikeluarkan oleh pengusaha bukan Islam, sekiranya mempamerkan logo halal tanpa mendapat pensijilan halal Malaysia, undang-undang telah menetapkan ia sebagai kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan, Perakuan dan Penandaan Halal, Akta Perihal Dagangan 2011. Jika sabit kesalahan, ia boleh denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu, manakala bagi pertubuhan perbadanan pula boleh didenda sehingga RM250,000

Bagi penggunaan nama-nama Islam seperti muslim food, muslimah, sufi atau penggunaan perlambangan yang emnunjukkan syiar Islam seperti masjid, bulan, bintang dan lain-lain tanpa mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia merupakan kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Bagi tahun 2018, JAKIM telah menjalankan operasi pemantauan dan penguatkuasaan sebanyak 1,254 pemeriksaan terhadap premis.

Statistik Pemantauan Dan Penguatkuasaan

BULAN	PEMANTAUAN	PENGUATKUASAAN	JUMLAH
JANUARI	81	17	98
FEBRUARI	198	12	210
MAC	81	16	97
APRIL	118	8	126
MEI	25	37	62
JUN	8	8	16
JULAI	105	5	110
OGOS	234	5	239
SEPTEMBER	84	6	90
OKTOBER	138	23	161
NOVEMBER	33	5	38
DISEMBER	7	0	7
JUMLAH	1,112	142	1254

Jadual 1 : Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal JAKIM

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 73

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk mengehendkan pengagihan tidak seimbang (*malapportionment*) dalam sistem pilihan raya kepada maksimum 15% supaya jurang besar antara kawasan parlimen Klang (pemilih 149,348) dan Sabak Bernam (pemilih 40,863) boleh dikurangkan kepada tahap yang munasabah.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan menyempadankan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) Memelihara hubungan tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan bagi tujuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan. Namun demikian, SPR **sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak** dalam menjalankan urusan persempadanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan strategi yang digunakan oleh PERHEBAT untuk membantu veteran mendapatkan kerja dan keberkesanan strategi tersebut dalam mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan veteran, terutamanya kumpulan baru berpencen (dalam lingkungan usia 40-50).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain dari tugas hakiki iaitu merancang, mengurus dan melaksana program latihan kemahiran dan keusahawan kepada bakal pesara dan veteran ATM, PERHEBAT juga mengambil inisiatif membantu graduan PERHEBAT dan veteran ATM serta keluarga mereka mendapat pekerjaan. PERHEBAT dari semasa ke semasa meneruskan usaha untuk memperluaskan jalinan strategik dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan industri demi kepentingan bakal pesara tentera dan veteran ATM.

Strategi PERHEBAT adalah mengadakan pertemuan, perbincangan dan memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan agensi kerajaan, syarikat swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan pihak industri yang memerlukan tenaga kerja dan kepakaran.

Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah berjaya dimeterai dengan pelbagai pihak ini merangkumi skop penempatan pekerjaan untuk veteran ATM dan keluarga; penempatan Latihan Sambil Kerja (LSK); penempatan pelatih untuk Latihan Dalam Industri; pengiktirafan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki anggota ATM dan veteran ATM; penempatan pengajar dan staf PERHEBAT di industri (*Return To Industry*); pengiktirafan kursus *homegrown* PERHEBAT dan modul nilai tambah, pembiayaan/penajaan yuran latihan kepada bakal pesara/veteran ATM bagi kursus-kursus berimpak tinggi; *place and train* dan *train and place*; aktiviti penyelidikan dan konsultasi; dan program pembangunan perniagaan keusahawanan dan francais.

Hasil pemeterian jalinan strategik/MoU yang dibuat serta disusuli pelan tindakan tersusun, telah memberi impak yang sangat positif dan sebagai contohnya seperti:

1. Kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Program *Recognition Prior of Experiential Learning* (RPEL) yang bertujuan mengiktiraf pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki anggota ATM dan Veteran ATM kelompok B40 menerusi penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM Tahap 5) berdasarkan penilaian oleh Panel Penilai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM dan pihak industri melalui kaedah temuduga dan pembentangan kertas projek. Sehingga kini seramai 1,352 orang telah mendapat pengiktirafan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan 27 orang mendapat pengiktirafan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5;

2. Kerjasama dengan *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) Pulau Pinang yang melibatkan 40 syarikat dan Persatuan Industri Pulau Pinang pada tahun ini sahaja telah menawarkan 2 ribu peluang pekerjaan dalam bidang pekerjaan kolar biru dan kolar putih kepada veteran serta keluarga dan anak-anak anggota ATM. Manakala dalam tempoh dua tahun (2019 – 2020), FMM Pulau Pinang serta Persatuan Industri dan syarikat berkaitan bersedia menawarkan 20 ribu lagi peluang pekerjaan;

3. Kerjasama dengan syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Sdn Bhd Johor telah membuka peluang pekerjaan baru sebanyak 1 ribu pekerjaan dalam bidang *Operator Prime Mover* kepada bakal pesara dan veteran ATM serta anak-anak mereka; dan

4. Kerjasama dengan PERNAMA – 7 Eleven pula, peserta kursus Peruncitan PERHEBAT dan veteran ATM berpeluang memiliki perniagaan francais 7 Eleven melalui rangkaian perniagaan 7 Eleven seluruh negara.

Selain dari strategi jalinan strategik dengan pihak industri, pengurusan tertinggi PERHEBAT juga mengunjungi ketua-ketua kerajaan negeri untuk memberi taklimat serta mengadakan perbincangan bagi mendapatkan pandangan, sokongan dan bantuan kerajaan negeri agar keperluan bakal pesara dan veteran ATM serta keluarga mereka diberi perhatian melalui peluang latihan dan pekerjaan oleh agensi kerajaan negeri.